# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 21 | RABU 21HB MEI, 1980. | 1400 رابو 6 رجب | PERCHUMA




Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abdul Momin menyampaikan pingat perkhidmatan lama kapada Dk Susilawati bte Pengiran Haji Damit.

## MUKIM BOKOK AKAN MENERIMA BEKALAN AYER PAIP

TEMBURONG. — Kira2 1,000 orang pendudok di-Mukim Bokok akan menerima bekalan ayer paip apabila ranchangan perkhidmatan itu dapat di-sempurnakan dalam tahun ini.

Lima buah kampong dalam mukim itu ia-itu Kampong2 Rataie, Bokok, Buda2 dan Belais ada-lah tumpuan utama saloran ayer yang akan di-bekalkan itu. Sa-jauh kira2 lima batu tepi2 jalan-raya di-sekitar kampong2 tersebut akan di-tanami paip2 ayer yang kerja2 penyusunan-nya telah pun sempurna.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad memberi tahu Pelita Brunei bahawa ada-lah di-harapkan yang pembekalan ayer paip itu akan dapat di-nekmati oleh pendudok2 di-kampong2 tersebut sa-lewat2-nya hujong tahun ini.

Sa-takat ini, kata-nya, perengkat penyusunan ranchangan itu telah pun selesai dan kerja2 perengkat awal-nya telah pun di-mulakan dengan mengator batang2 paip di-tepi2 jalanraya menuju ka-lima2 buah kampong itu.

Beliau memandang perlu yang pembekalan ayer paip itu di-segerakan bagi mengatasi kesulitan2 pendudok terutama-nya di-musim kemarau dan mengelakkan mereka dari terus bergantong kapada ayer2 sungai yang tidak dapat di-jamin akan kebersehan-nya apabila musim kemarau itu tiba.

Sa-lain dari bekalan ayer paip itu, kata-nya, jalanraya bagi kampong2 tersebut akan di-tingkatkan taraf-nya.

Menurut beliau, jalanraya yang asal-nya di-bena oleh Askar2 Gurkha dalam tahun 1963 yang menghubongkan kampong2 Bokok, Belais dan Buda2 sa-jauh kira2 3 batu itu sudah sampai masa-nya untok di-perbaiki. Ini bukan saja dari segi keadaan permukaan jalan itu sendiri tetapi juga sistem-nya yang di-anggap membimbangkan dalam mana beberapa kejadian kemalangan pernah berlaku.

Dalam usaha meningkatkan taraf jalan-raya itu, kata-nya, bukan saja akan di-buboh aspal saperti mana dengan jalan-raya2 yang lain di-daerah itu, tetapi juga permukaan-nya akan di-perbesarkan.

Dalam proses pembesaran ini, jelas beliau, beberapa kesulitan sedang di-hadapi-nya terutama pada mendapatkan kerjasama tuan2 punya tanah yang berkaitan.

Bagaimanapun, beliau berharap yang tuan2 tanah yang berkenaan itu akan dapat menimbangkan-nya dan memberikan kerjasama yang di-perlukan bagi faedah pendudok2 kampong2 yang berkenaan itu.

"Kita hendak-lah mengutamakan pada memikirkan kesenangan untok semua. Dalam pada itu, kita tidak di-larang memikirkan kepentingan2 persendirian, asalkan ia-nya tidak menjejaskan kepentingan semua itu", kata beliau.

Bagaimana pun, jelas beliau, projek pembesaran jalan-raya itu sa-boleh2-nya akan dapat di-sempurnakan

Lihat muka 18

## RBA sambut ulang tahun penubohan-nya yg kelima

BERAKAS.—Sa-ramai 104 orang pegawai2 dan kakitangan Sharikat Penerbangan Diraja Brunei telah menerima pingat perkhidmatan lima tahun di-satu majlis Sempena Sambutan Ulang Tahun yang kelima penubohan sharikat tersebut yang telah di-adakan di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-sini pada malam Khamis yang baru lalu.

Upachara penyampaian pingat2 tersebut telah di-lakukan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Dari jumlah yang menerima pingat itu, tiga orang daripada-nya terdiri dari Bahagian Gerakan Penerbangan; empat orang dari Bahagian Akuantant; 10 orang dari Bahagian Perdagangan; dua orang dari bahagian kaki-tangan; 28 orang dari bahagian kejuruteraan dan 57 orang yang lain-nya dari bahagian perkhidmatan pelanggan.

Turut hadhir di-upachara itu termasok-lah Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Pengurus Umom RBA, Awang Alan Douglas serta lain2 pegawai kanan sharikat tersebut.

Sementara itu sa-bagai sa-bahagian achara ulang tahun penubohan sharikat itu, Penerbangan Diraja Brunei telah mengadakan satu penerbangan perchuma kapada 80 orang penuntut2 dari seluroh sekolah2 rendah di-negeri ini dengan di-sertai oleh sa-ramai 10 orang guru.

Penuntut2 itu ada-lah mereka yang telah berjaya mendapat keputusan terbaik dalam mata pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris dalam Pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah tahun lalu.

Sa-masa dalam penerbangan itu penuntut2 tersebut telah di-berikan taklimat oleh Pengiran Tuah bin Pengiran Haji Chuchu, Pengetua Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai.

Pengurus Umom RBA, Awang Alan Douglas memberitahu kapada Pelita Brunei minggu ini bahawa tujuan di-adakan penerbangan perchuma itu ia-lah bagi menggalakan penuntut2 mempelajari perkara2 tersebut dan bersedia menolong perkembangan masa depan negara.

"Negeri Brunei dan Sharikat Penerbangan Diraja Brunei berkehendakkan lebeh banyak lagi tenaga2 teknikal dari anak2 tempatan yang mana pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris ada-lah sharat2 yang utama untok menchapai tujuan itu," kata Awang Douglas lagi.

Sementara itu, RBA juga telah menerima sa-buah chenderamata dari Sharikat Penerbangan Singapura bersempena ulang tahun sharikat itu.

Chenderamata tersebut telah di-sampaikan oleh Pengurus SIA bagi Brunei, Sabah dan Sarawak, Awang Chua Eng Siew kapada Pengurus Umom RBA, Awang Alan Douglas.

Antara mereka yang hadhir di-majlis itu ia-lah bekas Pengurus Umom RBA, Awang Bridge, Pengurus Perdagangan, Awang John Kirby dan setiausaha serta ketua Jurukira RBA, Awang Anthony Chubb.

### Manis-nya Iman

"DEMI Allah yang nyawa ku dalam kekuasaan-Nya! Hendak-lah kamu menyuroh berbuat kebaikan dan menchegah kemungkaran atau pun kamu akan di-timpa bala-benchana daripada Allah lalu kamu berdo'a memohon rahmat-Nya yang pada ketika itu tiada-lah akan di-makbulkan-Nya" — HADITH Nabi riwayat At-Tarmizi daripada Huzaifah.

## Kehidupan petani bukan hanya membawa kekayaan material semata-mata — Dato Haji Zakaria

SINAUT. — Kehidupan sa-bagai sa-orang petani bukan semesti-nya akan membawa kekayaan material semata-mata tetapi apa yang penting ia-lah pada mengeluarkan hasil-mashul makanan untok kesenangan dan kesejahteraan raayat keseluruhan-nya.

Dan kehidupan petani2 ada-lah di-anggap satu kehidupan yang mulia dan merupakan usaha2 yang berkebajikan di-mana sumbangan mereka kapada masharakat dan negara ada-lah tidak kurang penting daripada yang lain.

Demikian telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman ketika beruchap sa-jurus sa-belum menyampaikan sijil2 Pertanian yang telah di-adakan di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut di-sini pada hari Khamis yang lalu.

Bagi orang yang tidak chendorong untok bertani, Yang Berhormat menambahkata supaya mereka tidak seharus-nya memandang rendah dan hina kapada orang2 yang telah memileh sa-bagai petani kerana mereka itu tidak kurang mulia-nya daripada orang lain.

Lihat muka 18



Y.B. Dato Haji Zakaria menyampaikan hadiah kapada Awang Ismail Daud, terbaik dalam Kursus Peladang Muda dan Bahagian Tanaman Kekal.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

21HB MEI, 1980.

بسم الله الرحمن الرحيم

## TEMBURONG TERUS BERKEMBANG

TERPENCHIL-NYA Daerah Temburong dari pusat pentadbiran negara, tidak berma'ana ia terpenchil dari pemerhatian yang wajar dalam soal2 perkembangan. Kalau aneka perkembangan pada pandangan biasa nampak jelas di-sekitar2 Daerah Brunei-Muara, Belait dan Tutong terutama-nya sekitar Bandar Seri Begawan, maka ia-nya tidak bererti menenggelamkan perkembangan2 yang sa-mesti-nya juga di-nekmati oleh Temburong.

Dalam proses perkembangan negara, Temburong tidak-lah terpenchil saperti mana kedudokan-nya dan saperti mana juga yang mungkin di-anggap atas sebab2 ia-nya terpisah dari chantuman daratan yang menghubong-rapatkan antara daerah2 yang ada dalam negeri ini. Sungai2 yang melingkongi Daerah Temburong bukan-lah ukoran2 yang menandakan pemisahan, malah sungai2 itu-lah penghubong yang terpenting antara pentadbiran pusat dan pentadbiran daerah itu. Malah hubongan Temburong dengan mana2 jua daerah di-negeri ini ada-lah tetap erat saperti mana peranan yang di-pegang oleh sungai2 yang ada di-keliling-nya yang tidak akan putus walau apa pun chara menchinchang-nya. Dari segi perhubongan pun, maka dengan konteks kemudahan yang ada sekarang, ia-nya berjaya merapatkan lagi hubongan antara bandar dengan daerah itu. Di-sini jelas bahawa Temburong yang pada dulu-nya di-katakan jauh, maka pada masa kini sudah terlalu dekat.

Maka dalam hubongan perkembangan pula, Temburong ada-lah juga mengalami sama dan ia kini semakin membesar walau pun tidak sa-hebat daerah2 yang lain. Menurut banchi pendudok, Temburong kini mempunyai ramai pendudok kira2 7,000 orang, tetapi yang menetap di-sana hanya kira2 5,000 orang. Ka-mana pergi-nya 2,000 orang itu ? Perkembangan negara yang memaksa mereka keluar sementara dari daerah itu terutama-nya bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Ramai di-antara mereka menchebor-kan diri di-bidang2 profession perguruan dan juga mendudoki pusat2 pengajian tinggi sama ada di-dalam mahu pun di-luar negeri. Di-samping itu juga ramai di-antara mereka yang mengambil bahagian dalam berbagai bidang pekerjaan sama ada dalam Kerajaan dan sektor2 swasta di-bandar2 daerah lain.

Pegawai Daerah itu menyarankan bahawa pendudok2 di-Temburong tidak merasa terpenchil dalam apa jua perkara yang berhubong dengan perkembangan negara, malah mereka akan tetap terus memberikan sumbangan2 yang terdaya dalam menyahut hasrat Kerajaan, terutama-nya dalam soal melengkapkan diri dengan bidang2 ilmu pengetahuan.

Sa-lain daripada soal kesedaran yang demikian itu, keadaan Temburong juga semakin berubah dalam mana kemudahan2 asas telah di-nekmati oleh kebanyakan pendudok di-dalam-nya. Saperti yang di-ketahui bahawa jalan2 raya yang bertaraf baik dan bermutu tinggi sudah ada di-sana dan keadaan perhubongan di-bidang ini terus di-perkembangkan. Kalau pada masa dulu, kebanyakan pendudok-nya menekmati bekalan ayer dari sungai atau telaga2, maka kini tradisi itu akan berubah apabila mereka telah mendapat bekalan ayer paip yang mana lebeh menselesakan. Bekalan ini juga akan terus di-perbaiki keadaan-nya apabila kira2 1,000 orang pendudok di-Mukim Bokok yang belum menerima bekalan itu akan dapat menekmati-nya dalam tahun ini.

Sejak 10 tahun yang lalu, perkembangan di-Temburong dalam berbagai bidang ada-lah pesat dan di-yakini akan lebeh pesat lagi apabila kawasan Pekan Bangar Baru akan di-olah menjadi sa-buah bandar kechil tetapi chukop dengan kemudahan yang di-perlukan oleh pendudok-nya. Di-sana-lah akan terdiri-nya nanti berbagai2 pembangunan termasok bangunan pejabat2 Kerajaan bagi menggantikan pejabat2 kerajaan di-Bangar yang ada sekarang.

Maka itu ada-lah jelas yang Temburong bukan-lah sa-buah daerah yang beku, malah sama2 mengayohkan bidok-nya dalam arus perkembangan negara dan Temburong tidak-lah terpenchil dari segi peranchangan kemajuan negara dalam berbagai bidang.

## PADA HEMAT SAYA....

# MAHU DAPAT JAMINAN

JIKA awda mempunyai orang yang dapat menolong dan sedia memenohi keperluan awda maka mungkin awda bersikap: "Sa-lagi dia ada aku tak perlu khuatir!"

Atau jika awda sa-orang yang berharta mungkin pula awda menaroh keperchayaan: "Sa-lagi hartaku banyak tidak-lah suatu pun akan menyusahkanku!"

Atau pun jika awda sa-orang yang sangat yakin kapada kebolehan diri sendiri mungkin juga awda mengatakan: "Sa-lagi badanku sehat tiada-lah suatu pun yang akan kurang!"

Dalam ketiga2 andaian itu awda dapat-lah di-katakan sa-orang yang bertawakkal. Chuma jenis dan model tawakkal awda itu ia-lah tawakkal kapada orang; tawakkal kapada harta; dan tawakkal kapada diri sendiri.

Orang2 lain pun mungkin ada yang begitu, dan dengan itu mereka juga dapat di-katakan orang2 yang bertawakkal.

*Maana-nya: masing2 awda dan mereka itu berserah nasib kapada orang; atau berserah nasib kapada harta; atau berserah nasib kapada diri sendiri.*

### TERJAMIN

Sebenar-nya kalau-lah kebetulan saya juga begitu maka kita boleh-lah mendakwa sa-bagai orang2 yang bernasib baik.

Kita bernasib baik kerana ada orang yang sedia melindungi pada bila2 masa yang perlu.

Kita bernasib baik kerana ada harta yang boleh memenohi kehendak dan keinginan.

Kita bernasib baik kerana berbadan sehat.

Lalu dengan bernasib baik begitu kita mungkin (dan memang-nya biasa) merasa terjamin.

Apa tidak-nya: Dengan ada-nya orang yang sedia melindongi pada bila2 masa yang di-perlukan maka kita tidak perlu khuatir akan mendapat susah atau di-susahkan.

Dengan harta yang di-mileki maka kita bukan saja akan senang berbelanja malah juga boleh menambahkan banyak-nya.

Dan dengan berbadan sehat kita boleh chergas melakukan apa2 yang di-hajati.

### MAALOM SAJA-LAH

Apabila sudah sedemikian sikap kita, atau keperchayaan kita, atau uchapan kita maka dalam munasabah2 dan keadaan2 tertentu kita akan *kelihatan berani, bergaya dan gagah.* Maalom saja-lah!

Dan orang lain yang melihat keberanian, gaya dan kegagahan kita dengan latar belakang begitu tentu tidak saja akan tinggal takjub malah mungkin ada yang chuba pula mengikut2 jejak. Lalu mereka pun berusaha mengadakan atau mendapatkan orang untok jadi pelindung, mendapatkan harta untok jadi modal atau pundol, dan menjaga badan untok sehat 'afiat.

Maka tidak hairan kalau mithal-nya terdapat berbagai2 kegiatan di-ujong dipisok dengan tujuan memperbaiki nasib dan kedudokan dengan mengadakan jaminan2 bagi sentiasa terjamin.

Dalam kegiatan begitu ada yang berhasil, ada pula yang gagal. Mana yang berhasil menjadi-lah dia orang berani, bergaya atau juga gagah. Tapi mana2 yang gagal sa-telah berusaha giat begitu belum tentu akan kembali kapada keadaan-nya yang sediakala sebab peluang maseh ada, sa-kurang2-nya untok *memberani-beranikan diri; menggaya-gayakan diri; dan menggagah-gagahkan diri.*

Pendek kata, apabila kegiatan begitu terdapat di-sana sini dan di-ujong dipisok maka junterah-lah suasana. Masing2 bertawakkal kapada orang, atau kapada harta-nya, atau kapada diri-nya. Lalu masing2 kelihatan-nya berani, bergaya dan gagah. Dalam keadaan itu maka sukar-lah di-bezakan mana satu yang sedia berani, bergaya dan gagah; mana satu yang chuma berani kerana memberani-beranikan diri, bergaya kerana menggaya-gayakan diri, dan gagah kerana menggagah-gagahkan diri. Tambahan pula kalau ramai orang2 yang pandai berani, pandai bergaya, dan pandai gagah!

### URI NAIK KA-DUGAL

Pada perengkat itu, baik awda mahu pun saya (yakni: kita) yang sedia kelihatan berani, bergaya dan gagah terpaksa-lah menerima saingan.

Dalam bersaing begitu ada-kah masing2 kita maseh boleh mendakwa akan terjamin dengan terus menerus bernasib baik ?

Takut2 pula baru sa-takat chuma mendapat saingan lalu ada di-antara kita sudah mulai terganggu tidor dan terganggu makan, atau juga mulai merasa mual2 oleh kerana uri sudah naik ka-dugal .

Akibat2 dan kemungkinan2 begitu jarang terduga lebeh awal. Maalom saja-lah, kita saperti terpesona oleh sikap, keperchayaan dan uchapan kita tadi:

- **sa-lagi dia ada aku tak perlu khuatir.**
- **sa-lagi hartaku banyak tiada-lah suatu yang akan menyusahkanku.**
- **sa-lagi badanku sehat tiada-lah suatu pun yang akan kurang.**

Hal itu biasa saja kelihatan-nya. Apa tidak, mana2 dari tiga perkara yang kita bertawakkal kapada-nya itu memang-nya di-perchayai dapat menjamin nasib kita. Dan bila sudah nasib terjamin tentu tidak perlu khuatir, susah dan takut.

Rupa-nya kita lupa bahawa orang, harta dan sehat itu boleh berubah dan berkurang. Dan malah kita juga lupa bahawa dalam ketiga2-nya itu menjamin untok kita tidak perlu khuatir, takut dan kurang ia masing2 jarang dapat di-harap akan mendidek kita untok melepaskan diri dari bertawakkal kapada-nya. Lalu kita sa-benar-nya tidak saja terpesona malah juga terperangkap dengan melupakan bahawa orang, harta dan sehat yang kita bertawakkal kapada-nya itu boleh saja pada bila2 masa akan menyusah-payahkan kita.

Itu-lah yang aneh-nya.

### MODEL LAIN

Jadi, di-mana pula silap-nya ?

Kalau awda mahu tah dengan maksud menchar jalan selamat maka awd perlu-lah memileh tawakka jenis lain. Model sikap, keperchayaan dan uchapar orang2 yang bertawakka dengan tawakkal jenis lai itu ia-lah: **"Aku tidal kira sama ada orang sedi melindongiku atau tidal sama ada aku kaya ata miskin, sama ada aku seha atau uzur — namun Alla bersamaku, Dia yang sa benar-nya menentukan na sibku!"**

Awda pereksa-lah denga teliti model tawakkal jen yang akhir ini.

Kalau awda bertawakk dengan maksud untok be rani, bergaya dan gaga awda boleh tentukan: apa kah keberanian awda aka terganggu kalau awda m yakini bahawa Allah se tiasa ada melindongi awda Ada-kah awda perlu khuat gaya awda akan kemban kichop kalau awda meya kini bahawa Allah yan menentukan rezeki awda Dan ada-kah awda per resah gelisah takutkan uzu kalau awda meyakini um awda dalam kehenda Allah ?

**Yang patut jelas kapad awda ia-lah: orang, har dan diri itu tiada-lah aka sampai memungkat langit.**

Sebab itu, kena-lah awd dan siapa2 — termasok-la juga saya, kalau bertawa kal jangan-lah alang kep lang memileh jenis dan m del-nya. Sebab bukan tida dapat di-bezakan man yang kekal dan mana pu yang chuma sementara.

Yang lojik-nya: jika be tawakkal itu untok meras terjamin maka tentu-la jaminan kekal yang di-d patkan. Bukan-kah jamina yang kekal tidak layak d tuntut dan di-dapatkan da segala yang bersifat semen tara ?

Maka begitu-lah pa hemat saya. Chuma sa yang-nya hal yang patut je las begini selalu di-kabu lalu ia menjadi saperti ba yang2, atau pun kalau i tidak di-kaburi tapi kita m lihat-nya dari balek kach Ya! Melihat sa-kadar m nonton-nya, tidak unt memegang-nya.—*Ketua P gawai Penerangan.*

**"....bukan-kah jaminan yang kekal tidak layak di-tuntut dan di-dapatkan dari segala yang bersifat sementara?"**



The Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin presenting a medallion to one of RBA's staff, Dayang Margaret Foo at the anniversary party.

# RBA celebrates 5th anniversary

BANDAR SERI BEGAWAN. — Royal Brunei Airlines celebrated the 5th anniversary of its first flight on Wednesday.

As part of the celebrations, it invited 80 Brunei school children to fly on a special Royal Brunei flight taking off at about 10.30 am that day.

According to the national carrier, the children for the flight were chosen because they did best in English, Maths and Science subjects in the last common entrance examinations.

The jet flew the students over Temburong before flying to Kuala Belait and returning to Brunei International Airport.

This was the first time the residents in the Temburong District were able to see the RBA's latest Boeing 737 quick-change passenger/cargo convertible which arrived in Brunei just over two months ago.

Eight teachers accompanied the pupils on the birthday special flight.

The Airlines' General Manager, Mr Alan Douglas, earlier explained that they would like to encourage school children to study these subjects to prepare themselves to assist in the future development of Brunei.

The State and RBA will require more and more technicians for whom Maths and Science will be basic requirements.

And English is the international language of aviation and commerce and will be useful in many different careers in Brunei.

Meanwhile, a reception by the RBA was held at the Brunei International Airport on Wednesday evening.

At the function 113 employees of the airlines, who have completed 5 years of service, each received a certificate and a medallion, presented by the Menteri Besar.

Three crew-bus drivers also received safe-driving certificates.

Earlier, Mr Alan in his opening speech outlined the RBA's development and achievement, and thanked the staff for their invaluable service which has won good reputation for the airlines.

He also conveyed his special thanks to RBA's first General Manager, Mr Bunny Bridge, who had flown in especially for the occasion from retirement in Britain, and was presented with a gift.

The Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail who is also the Deputy Chairman of the Royal Brunei's Board of Directors and the Attorney General, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin who is also one of its directors, were among guests of honour.

Others who attended the party included the airlines' representatives in Hongkong, Bangkok, and Singapore as well as the officials of the Boeing Company in Seattle.

# New executive committee formed

BANDAR SERI BEGAWAN.—The 34th birthday of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan will fall on July 15.

Colourful celebrations will be held in September throughout the state for the grand occasion.

A new executive committee to organize the celebrations in the Brunei-Muara District has been formed.

The new body was set up at a meeting held at the Youth Centre here last week.

The YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah was elected the committee's Patron.

The Advisor is the State Secretary, the Hon'ble Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Setia Awang Hj Abdul Aziz.

The Brunei-Muara District Officer, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammed Jaafar was appointed the committee's Chairman.

Awang Haji Jaya bin Abdul Latif is this year's Secretary while Awang Hapidz bin Pehin Laksamana Awang Haji Abdul Razak was elected the Treasurer.

More than a hundred people mostly village chiefs attended the gathering.

The Director of Welfare, Youth and Sports, the Hon'ble Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, who was also last year's Executive Deputy Chairman, spoke at the ceremony.

The committee plans to draw an elaborate programme for the celebrations.

# Police recruits wanted

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry into the Force as constables.

Successful applicants will undergo a six-month training at the Police Training Centre in Jalan Muara in early July.

Applicants must be Brunei subjects, bachelors or married, between the ages of 18 and 28, at least 5′ 2″ in height and physically fit.

The minimum qualification is standard VI in Malay or English.

The basic salary of a recruit is $325 a month, plus $100 allowance.

On completion of the training, starting salary and allowance will be increased to $525.

But, the applicants are required to attend for interviews by the Recruiting Officer.

The times, dates and venues of interviews are published in the Malay version of this paper.

# WORLD TELECOMMUNICATIONS DAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — May 17th was World Telecommunications Day originated by the International Telecommunications Union to bring home to people world-wide the impact of telecommunications upon their daily life.

Each year a different theme is used and for 1980 it is "Rural Telecommunications".

The definition of Rural Telecommunications varies all over the world depending upon the topography of each country.

It has a special significance in relatively underpopulated areas and in developing countries where telephones outside urban areas are almost unknown.

In most of such cases, the extremely high cost of providing telephone service precludes all hope of service with conventional means and a large amount of research is being undertaken, world-wide, into methods by which a cheaper form of communication can be provided.

In Brunei, where there is a large unsatisfied demand for telephone service throughout the State mainly due to extreme staff shortages, the provision of rural telephone service has been slow but is now gaining momentum as new methods are introduced.

The two main types of service needed are for the remote Kampong which can only be reached by helicopter or boat and for the numerous Kampongs which are sited along roads.

The first type of Kampong can be served only by radio and this requires a reliable form of electrical supply which requires no maintenance for long periods.

The use of solar power is most suitable for this and following a successful trial at Mendaram Besar in 1979, three other installations have been provided with the intention of providing up to forty remote Kampongs with this type of service over the next eighteen months.

The cost of each installation is about $10,000.

Where a reliable electrical supply is available, a six telephone radio installation is being used and service of this type has been given to three areas to date with another ten scheduled for the second half of 1980.

Service to Kampong along roads can best be given by aerial cable and then using a form of wired-radio which allows several telephone circuits to provide over each pair of wires and also allows amplification of the speech which is necessary on lines which are longer than five miles.

Following trial installation to Jerudong Park, this type of service is providing telephones in the Keriam area and will be extended to at least five other areas during the second half of 1980.

The cost of each telephone line provided by this means is some $2,000 more than that of a standard town telephone.

Government has made adequate funds available for the extension of the telephone service into areas within the State and the progress of this project is entirely dependent upon the Telecommunication Department obtaining the staff needed for the work.

# Publication of telephone directory

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Director of Telecommunication wishes to apologise to the public for inconvenience caused by the fact that the new telephone directory, which was due to be issued before May 15, will not be available until the 31st May.

This is due to circumstances beyond the control of the department.

The new telephone directories may be collected from Telecommunications Department Offices from the 31st May, 1980.

The Director of Telecommunications would also like to announce the opening of the new Mumong Exchange on May 23.

The new Mumong telephone exchange will be cut into service at 11.30 a.m. on that day.

As from that date, subscribers should apply the following rules for converting old Kuala Belait and Mumong numbers to the new numbers:—

Mumong — Prefix the old number with a 3

e.g. old number 2222
new number 32222

Kuala Belait — Old number beginning with 2, drop the 2 and prefix with 34

e.g. old number 2200
new number 34200
Old number begining with 3, drop the 3 and prefix with 35
e.g. old number 3333
new number 35333

Exceptions to the foregoing rule are as follows:—

For Fire: Old number, KB 2555, new number is Mum 32555; for Ambulance: Old number, KB 2366, new number, 32366; and for Police: Old number, KB 2333, new number, Mum 32333.

Subscribers in the Belait District should note that after cut-over the digits 4, 8 and 9 for calling Seria, Mumong and Kuala Belait will no longer be used.

For example a person in Seria wishing to call a Mumong or Kuala Belait number should dial the new number only.

Subscribers in the Brunei/Muara, Temburong and Tutong Districts should dial 03 + subscribers new number to obtain subscribers on the new Mumong exchange.

All subscribers served by the present Kuala Belait exchange will be transferred to the new Mumong exchange at 11.30 am on Friday 23rd May 1980, and will have 5 digit numbers in accordance with the foregoing rules.

To report faults, subscribers should now dial 11 and not 011, and all other services remain the same.

# British High Commissioner visits Tutong

TUTONG. — Mr Arthur Watson, the British High Commissioner and his wife paid a familiarisation visit to Tutong District on Wednesday.

The Tutong District Officer, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Haji Abdullah and the Assistant District Officer, Awang Adanan bin Haji Hanafiah also toured the district.

On the first leg of the visit, Mr Watson was introduced to the heads of departments in the district.

After visiting the Tutong Town, he was led to the Water Treatment Plant at Layong where he was briefed by the Senior Water Engineer, Mr Clark and the Head of the Technical Section, Awang Yaakub bin Hj Abd Razak.

At noon, the dignitaries lunched at the Officers' Mess of the Royal Brunei Malay Regiment's Second Battalion at the Tutong Camp.

The VIPs then left by a helicopter for Ulu Tutong where they held friendly discussions with the residents of the Belabau and Supun Besar long houses.

Before they returned to Bandar Seri Begawan, the visitors toured Kampong Merimbun and the Merimbun Lake.

# Talks on gov't projects

BOKOK. — A gathering was held at the Bokok Malay School in the Temburong District last Friday morning.

Some 100 residents of Mukim Bokok heard the talks on a number of topics including the government development projects.

The talks were delivered by a Penghulu and two village chiefs who lately attended a civic course for rural leaders held in Bandar Seri Begawan.

Those attending the function included the Chief Information Officer, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman and the Temburong District Officer, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad.

# Dato Zakaria presents certs.

SINAUT. — Forty-Six agricultural trainees last Thursday morning received their certificates from the Acting Director of Establishment, the Hon'ble Dato Seri Laila Jasa Awang Hj Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, at the Agricultural Training Centre here.

They have just completed their two-year training at the centre.

Among the recipients were 10 teachers who attended an agricultural science course.

He also presented prizes to the six best trainees during the course.

They are soon to be attached to various agricultural projects in the country.

Those attended the presentation ceremony included the Acting Director of Agriculture, the Director of Education, the State Legislative Councillors and senior government officers.

# MAZHAB ASH-SHAFIE (1)

ILMU Feqah itu di-susun dari naqal dan dari nazar. Erti Naqal ia-itu masaalah2 feqah yakni hukum halal, haram, sunnah, makroh dan mubah (harus) itu di-ambil dari perkataan2 ulama2 feqah. Perkataan2 ulama feqah itu pula telah di-susun dan di-buku-kan dalam kitab2 feqah. Ulama2 feqah telah istinbat atau mengeluar-kan hukum2 feqah itu dari ayat2 Al-Kor'an dan Hadith2 Rasulul-lah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) serta ijma' Islam dengan jalan dan melalui qias shara'.

Begini-lah di-buat oleh ulama Islam dari zaman sahabat dan tabi'in dan tabi'ut-tabi'in hingga-lah sampai pada zaman Al-Imam Ash-Shafie (Radhiallahu 'Anhum) kemudian turun pula ka-zaman anak2 murid Al-Imam Ash-Shafie.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

### AL-IMAM ASH-SHAFIE

Al-Imam Ash-Shafie di-peranakkan pada tahun 150 Hijrah di-Gazza Palestin ia-itu tahun meninggal Al-Imam Abu Hanifah (Radhiallahu 'Anhu). Al-Imam Ash-Shafie pula meninggal pada tahun 204 Hijrah di-Mesir ketika berumor 54 tahun. Nama Al-Imam Ash-Shafie itu ia-lah Muhammad bin Idris bin Al-Abbas bin Othman bin Shafi' bin As-Saib bin Abdi Yazid bin Hashim bin Al-Muttalib bin Abdi Manaf. Bersambong nasab-nya dengan nasab Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) dari Abdi Manaf bin Qusai hingga Adnan.

### KELEBEHAN AL-IMAM ASH-SHAFIE

Ada beberapa kelebehan Imam Shafie, di-antara :

**Pertama :** Nasab dan kedudokan-nya ada-lah mulia, kerana dia saketurunan dengan Nabi kita Muhammad (Sallallahu 'Alaihi Wassalam) dari bangsa Quraish Mekah.

**Kedua :** Ugama dan i'tiqad-nya terselamat dari perkara bid'ah dan dari golongan mengikut hawa nafsu saperti Mu'tazilah, Hashawiyah, Mushabbihah, Mujassimah, Shi'ah dan lain2.

**Ketiga :** Hati-nya pemurah.

**Ke-empat :** Ia bijak mengetahui Hadith2 Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) yang sahih dari yang tidak sahih.

**Kelima :** Bijak dan tahu membezakan akan mana2 Hadith yang nasikh dari Hadith yang mansokh.

**Ke-enam :** Hafaz akan Kor'an dan perkhabaran Rasulullah. Ia juga mengetahui sirah (perjalanan) Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassalam) dan sirah Khulafaur-Rashidin.

## Siri ke-33

**Ketujoh :** Handal dalam menerangkan kesilapan orang2 yang menyalahi fahaman-nya.

**Kedelapan :** Kitab2 yang di-karang-nya sa-masa di-Baghdad di-namakan Al-Mazhab Al-Qadim dan kitab2 baharu yang di-karang-nya sa-masa di-Mesir di-namakan Al-Mazhab Al-Jadid.

**Kesembilan :** Al-Imam Ash-Shafie mempunyai pengikut2 dan anak2 murid saperti Al-Imam Ahmad bin Hambal yang terkenal dengan wara', dengan ilmu pengetahuan dan dengan membela sunnah perjalanan Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam). Dia samulia2 anak murid Imam Shafie dan sangat mengambil berat serta melazimkan diri (menghadhiri) majlis2 yang di-adakan kerana-nya. Dia (Imam Ahmad bin Hambal) juga menganjorkan kapada para ahli ilmu dan orang ramai supaya menulis dan menyalin kitab2 Imam Shafie dan mengutamakan majlis2 yang di-adakan mengenai-nya. Termasok ulama2 besar yang menjadi anak murid dan pengikut2-nya ia-lah Sulaiman bin Daud Al-Hashimi, Abdullah bin Zubair Al-Humaidi, Al-Hussain Al-Qallas, Hassan bin Muhammad Az-Za'farani, Ahmad bin Khalid Al-Khallal (sakadar menyebut beberapa nama).

Dalam begitu ramai anak murid Imam Shafie, ada empat orang daripada mereka yang terkenal kerana mengajar dan menyiarkan mazhab Imam Shafie. Mereka ini-lah yang meneruskan majlis pelajaran Imam Shafie sa-telah meninggal dunia, ia-itu:

1. Al-Imam Abu Ya'kob Yusof bin Yahya Al-Buithi.
2. Al-Imam Abu Ibrahim Ismail bin Yahya Al-Muzani.
3. Al-Imam Az-Za'afarani.
4. Al-Imam Abu Muhammad Ar-Rabi' bin Sulaiman Al-Muradi Al-Mu'azzin Khadim Ash-Shafie.

### KELAKUAN AL-IMAM ASH-SHAFIE

Menurut Al-Imam Ar-Rabi' : "Ada-lah Al-Imam Ash-Shafie itu telah membahagikan malam-nya kapada tiga bahagian. Umpama-nya satu pertiga dari malam-nya yang pertama di-gunakan-nya untok menulis, satu pertiga dari malam yang kedua di-gunakan-nya untok bersembahyang, dan satu pertiga dari malam yang ketiga lagi di-gunakan untok tidor."

### IBADAT-NYA

Berkata Al-Imam Al-Hussain Al-Karabisi: "Saya telah tidor bersama2 Al-Imam Ash-Shafie 80 malam. Dia bersembahyang kira2 satu pertiga malam. Saya lihat ia membacha tiada lebeh dari 50 ayat Kor'an dalam satu rakaat, jika lebeh ia akan terus membacha 100 ayat. Apa bila ia lalu pada ayat Kor'an yang mengandongi maksud rahmat, maka ia akan bermohon rahmat kapada Allah bagi diri-nya dan bagi orang2 mu'minin sekalian. Sementara apabila ia lalu pada ayat Kor'an yang mengandongi maksud azab, ia berlindong dengan Allah sambil bermohon agar selamat dan lepas dari azab bagi diri-nya dan bagi sekalian orang mu'minin."

### KHATAM KOR'AN

Berkata Imam Ar-Rabi' (Khadim Imam Shafie): "Saya keluar bersama Imam Ash-Shafie dari Al-Fustat (Mesir) pergi ka-Iskandariah kerana berkawal dan berjaga2 dari serangan musoh Islam. Dia bersembahyang lima waktu di-Masjid Al-Jami', kemudian ia pergi ka-tempat berkawal dan ia mengadap ka-laut, lalu membacha Al-Kor'an pada malam dan siang sa-hingga saya dapat hitong ia khatam akan Al-Kor'an sabanyak 60 kali dalam bulan Ramadhan."

Berkata Al-Imam Ar-Rabi' lagi: "Ada-lah Al-Imam Ash-Shafie itu khatam pada tiap2 bulan 30 kali khatam, dan pada bulan Ramadhan 60 kali khatam, sa-lain khatam yang di-bacha-nya dalam sembahyang.

### PAKAIAN-NYA

Menurut Al-Imam Ar-Rabi' : Ada orang bertanya bagaimana pakaian Al-Imam Ash-Shafie. Jawab-nya: "Al-Imam Ash-Shafie itu pakaian-nya sederhana, tiada ia memakai pakaian yang mahal2, ia memakai pakaian yang di-buat dari kattan dan kapas Baghdad, dan ia memakai songkok yang tiada tinggi sangat, dan selalu memakai serban dan sepatu muza".

### BERSEDEKAH

Berkata Al-Imam Ar-Rabi' : "Tiada satu hari pun Al-Imam Ash-Shafie itu tiada bersedekah, ia bersedekah pada waktu malam. Pada bulan Ramadhan ia banyak bersedekah pakaian dan duit dirham, dan ia gemar sekali memberi makan orang fakir dan orang2 lemah, di-chari-nya mereka itu, ia bertanya akan tiap2 orang ia tahu supaya ia dapat berderma kapada mereka."

"Saya menjaga belanja Al-Imam Ash-Shafie, maka saya tulis apa belanja yang telah saya belanjakan. Pada suatu hari saya beri tahu kira2 belanja itu kapada-nya. Lalu kata-nya kapada saya : "Hai anakku, kamu telah menghabiskan kertas dengan perkara sia2, jangan kamu bawa lagi kira2 itu kapada saya". Al-Imam Ar-Rabi' menjelaskan : bahawa belanja Al-Imam Ash-Shafie itu mewah dan luas.

### MEMULIAKAN ORANG

Kata-nya lagi: "Al-Imam Ash-Shafie sangat memuliakan orang2 yang dudok bersama2-nya, ia memanggil orang tua dan muda dengan gelaran Abu (bapa) mengikut adat orang Arab saperti Abu Ali dan Abu Muhammad kerana menghormatkan orang."

Ini berlainan dengan setengah2 anak muda sekarang yang terdidek dengan didekan Eropah, umpama-nya mereka menulis surat kapada bapa-nya atau abang-nya dengan menyebut nama bapa-nya itu sahaja tanpa ada bahasa yang menunjokkan rasa hormat kapada-nya.

Hal ini sudah tentu-lah bertentangan dengan ajaran2 Al-Kor'an dalam mana Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Kor'an menyeru nama Rasulullah dengan panggilan

يـٰٓأَيُّهَا النَّبِيُّ يـٰٓأَيُّهَا الرَّسُولُ

يـٰٓأَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ

dan sa-umpama-nya. Sabalek-nya ada yang menyeru Baginda dengan panggilan (Oh, Muhammad) tanpa salawat dan dengan chara tiada hormat.

Pendudok2 Mekah sendiri mengakui bahawa Al-Imam Ash-Shafie itu ada-lah manusia yang sangat sempurna peribadi dan me-ruah-nya dan beliau selalu menchontohi perangai Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) dalam semua perkara.

*WALLAHU A'ALAM*

(BERSAMBONG)

# JAUHKAN PERBUATAN MENIPU DAN MUNGKIR JANJI




DALAM dunia ini bermacham2 perangai boleh kita dapati di-kalangan manusia, ada yang baik, ada yang jahat, ada yang jujor, ada yang lemah lembut, ada yang kasar. Benar-lah dalam kehidupan kita di-dunia ini tidak sunyi daripada pertarongan antara baik dan jahat. Dan di-alam akhirat pun memang sudah tersedia dua tempat, yang baik ia-lah shorga dan yang jahat ia-lah neraka.

Salah satu perangai jahat itu ia-lah menipu dan mungkir janji. Dalam masharakat manusia memang boleh kita dapati ada sa-bahagian orang yang berperangai demikian. Sa-bagai mithal di-Pejabat Kadzi di-negeri ini banyak kes2 yang menunjokkan suami yang mencheraikan isteri-nya tidak menunaikan perjanjian-nya di-hadapan kadzi untok membayar nafkah eddah kapada bekas isteri-nya dan ramai pula bapa yang tidak membayar nafkah anak2-nya sa-sudah percheraian berlaku antara si-bapa dengan si-ibu. Ini menunjokkan betapa sa-bahagian daripada orang2 Islam tidak memenohi tanggong-jawab-nya terhadap perjanjian-nya sendiri.

Padahal orang2 Islam itu jika benar2 kuat ingatan tidak akan memungkiri janji-nya sendiri, perkataan-nya mesti-lah benar, janji-nya tepat tak boleh di-mungkiri, kerana kalau di-mungkiri akan merosakkan peratoran hidup dan penghidupan-nya sendiri. Lain kali orang tiada perchaya lagi, ia di-pandang sa-bagai pendusta, penipu dan lain2 anggapan lagi.

Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith pernah bersabda yang bermaksud : *Sa-sunggoh-nya orang yang menipu (mungkir janji) itu di-angkat bendira bagi-nya di-hari kiamat lalu di-umomkan ini-lah penipu si-anu bin si-anu.*

Ini bererti bahawa orang yang penipu di-dunia ini akan di-berikan tanda yang merupakan bendira di-hari kiamat lalu di-buat pengumoman di-khalayak ramai dalam perhimpunan agong itu bahawa ia-nya ada-lah sa-orang penipu kapada sa-seorang tertentu. Keadaan ini ada-lah suatu siksaan dan penghinaan yang di-serukan di-hadapan orang ramai. Hari itu ada-lah hari pengumoman bagi orang2 yang melakukan penipuan dan pengkhianatan-nya yang terang2 di-panjangkan bendira di-hadapan-nya.

Tujuan hadith ini ia-lah memberi peringatan kapada kaum muslimin supaya jangan melakukan penipuan atau mungkir janji dalam dunia ini kerana balasan-nya amat memalukan pada hari kiamat kelak. Mana-kala di-atas dunia ini pula perbuatan tersebut ada-lah menyakiti orang yang di-tipu atau tidak di-tunaikan janji terhadap-nya.

Hidup di-dunia ini tiada-lah yang lebeh baik selain membuat kebaikan dan menjauhi kejahatan, yang demikian pastikan-lah diri tuan2 mematohi petunjok ugama Islam yang menghendaki kita menunaikan apa jua janji2 yang kita buat dan menjauhkan diri dari perbuatan tipu dan tiada bertanggong-jawab.

## Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21hb Mei, 1980 hingga ka-hari Selasa 27hb Mei, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini :**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 60.5 |
| 22hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 60.5 |
| 23hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 60.5 |
| 24hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 60.5 |
| 25hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 60.5 |
| 26hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 27hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

## Dua orang lagi memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dua orang lagi memelok Ugama Islam dalam bulan ini.

Sa-orang pemuda Korea, Kim Ho Young telah memelok Ugama Islam dalam satu majlis pengIslaman yang berlangsong di-rumah Pengiran Haji Md Yassin bin Pg Kamaluddin, Kampong Bunut pada 2hb Mei yang lalu.

Awang Kim melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Md Said bin Awang Tengah dan beliau memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd Azreen bin Osman Kim.

Awang Durin bin Anggas, 25 tahun, sa-orang pemuda Dusun, telah memelok ugama Islam di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin dalam satu majlis pengIslaman di-Kampong Orang Kaya Besar Imas.

Awang Durin memileh nama Islam-nya sa-bagai A. Mohammad Sendurin bin Abdullah.



**GAMBAR atas kelihatan Awang Kim Ho Young melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan YDM Pehin Khatib Dato Paduka Awang Md Said.**

## Wakil Kawasan Brunei V di-pileh

LIMAU MANIS.— Awang Ibrahim bin Haji Mohammad dan Dayang Kolam bte Haji Simpon masing2 telah di-pileh untok mewakili Kawasan Brunei Lima ka-peraduan membacha Kor'an perengkat Daerah Brunei-Muara.

Qari dan qariah itu telah di-pileh dalam satu peraduan yang telah di-adakan di-masjid Limau Manis pada hari Jumaat lepas.

Sa-ramai 15 orang peserta telah mengambil bahagian dalam peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah.

# SEMBAHYANG TIANG UGAMA

**Bingkisan minggu ini**

TELAH kita maalomi bahawa sembahyang fardhu yang lima waktu itu ada-lah satu kewajipan ka-atas sa-tiap diri orang2 Islam yang akil baligh serta suchi pula daripada haid dan nifas bagi kaum wanita. Sunggoh pun ibadah sembahyang itu di-ketahui sa-bagai satu kewajipan yang tidak boleh tidak pasti di-tunaikan, namun maseh ada terdapat sa-bahagian kechil daripada kita yang kurang menghiraukan bahkan ka-dang2 langsong tidak menghiraukan kewajipan kita itu.

Apa-kah sebab-nya perkara yang sa-demikian besar di-perkechilkan ? Perkara yang sa-demikian berat di-ringankan ? Sedangkan semua orang mengetahui-nya bahawa meninggalkan ibadat tersebut bermaana kita derhaka kapada Allah serta bererti kita mengutip dan mengumpolkan dosa di-sebilangan waktu. Tidak-kah kita merasa takut kapada azab Allah yang akan di-timpakan-nya kapada manusia yang derhaka di-akhirat kelak ?

Bagaimana pun sebok-nya urusan2 kita di-dalam apa jua urusan kehidupan, sa-sunggoh-nya ada-lah tidak wajar kita melupakan Allah yang telah menjadikan kita, memberikan berbagai2 nekmat hidup di-alam kepunya-an Allah yang maha luas ini. Di-sini-lah sa-harus-nya kita melahirkan satu pertimbangan yang adil antara diri kita dan kewajipan kita terhadap yang maha kuasa itu, pertimbangan yang adil itu tidak lain semata2 untok kepentingan hidup kita di-akhirat nanti.

Meninggalkan ibadat sembahyang sa-benar-nya telah di-maalomi sa-bagai satu dosa yang amat berat. Tetapi sa-telah di-ketahui mengapa-kah ia-nya di-abaikan ? Pada menjawab-nya kita akan mengatakan bahawa di-sini-lah peranan shaitan yang di-kutok oleh Allah yang telah berjaya menutop pintu kebenaran di-dalam hati sa-tiap hamba Allah. Shaitan yang seme-mang-nya berjanji untok menyeliwingkan sa-tiap anak Adam akan berdendang ria lantaran kejayaan-nya terhadap janji-nya. itu. Shaitan yang berjaya dalam usaha2-nya tetapi yang menjadi mangsa ia-lah hamba Allah yang lalai.

Ibadah sembahyang sa-benar-nya bertujuan supaya sa-tiap hamba Allah membuat pengabdian kapada Tuhan yang menjadikan sekalian makhlok termasok-lah diri kita manusia ini. Pengabdian sa-tiap hamba kapada Tuhan-nya itu ada-lah ibarat persembahan terima kaseh atas segala nekmat2 yang di-korniakan oleh Allah kapada diri kita yang tidak ternilai harga-nya.

Sembahyang termasok dalam rukun Islam yang lima, ia-itu di-letakkan di-tempat yang kedua sa-sudah uchapan dua kalimah shahadat.

Sembahyang ada-lah di-ibaratkan sa-bagai tiang ugama, sa-bagaimana yang terkandong dalam sa-buah Hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud :

*"Sembahyang itu tiang ugama siapa yang men-dirikan-nya maka dia mendirikan ugama dan siapa yang meninggalkan-nya maka sa-sunggoh-nya ia meruntohkan ugama-nya."*

Di-fahamkan dari maksud hadith itu tadi dapat-lah di-simpulkan bahawa sembahyang itu ada-lah sa-bagai asas atau tempat letak-nya kekuatan ugama. Jelas-nya kekuatan dan tegak-nya ugama itu dalam diri orang2 Islam ia-lah dengan mendirikan sembahyang. Sa-balek-nya, dengan ketiadaan sembahyang pada diri orang2 Islam, sudah tentu-lah kedudokan ugama pada tiap2 diri orang Islam itu dalam keadaan bergoyang, tegas-nya terumbang ambing, dan mudah runtoh di-tiup oleh badai pengaroh kehidupan yang sedia untok menjahanamkan.

Oleh yang demikian, ada-lah wajar kapada saudara2 umat Islam agar sama2 menyedari betapa penting-nya sembahyang itu di-lakukan menurut waktu2-nya yang tertentu bagi melaksanakan tugas dan tanggong jawab sa-bagai orang Islam yang sayangkan ugama-nya.

Mudah2an dengan hal yang demikian itu kita akan di-terima oleh Allah menjadi umat yang taat serta di-berikan dengan ganjaran2 yang sewajar-nya.

# MENGENAL MU'TAMAR AL-A'LAM AL-ISLAMI

## (World Muslim Congress)

### Sambongan minggu lalu

Di-susun dan di-tulis oleh :
Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal.

## MU'TAMAR KETIGA

SA-LEPAS sa-tahun setengah Negara Pakistan di-dirikan, Mu'tamar Ketiga telah di-adakan di-Karachi pada tahun 1949. Dalam Mu'tamar ini telah di-persetujui supaya Mu'tamar di-adakan sa-chara lebeh meluas sa-bagaimana yang di-ranchangkan dalam Mu'tamar pertama di-Mekah Al-Mukarramah dahulu.

## MU'TAMAR KE-EMPAT

Pada tahun 1951 di-adakan pula Mu'tamar kali ke-empat di-Karachi, Pakistan. Di-antara resolusi-nya yang bersejarah ia-lah bahawa SA-SUATU PENCHERUBOHAN TERHADAP SA-SEBUAH NEGERI ISLAM MESTI-LAH DI-ANGGAP SA-BAGAI SUATU PENCHERUBOHAN KA-ATAS SELUROH DUNIA ISLAM.

Dalam Mu'tamar kali ini telah juga di-adakan persidangan khas untok pemuda2 Islam dan satu lagi untok wanita2 Islam.

Dalam Mu'tamar ini juga telah di-persetujui sa-bulat suara menjadikan Pakistan sa-bagai pusat Mu'tamar yang tetap ia-itu bertempat di-Karachi.

## MU'TAMAR KALI KELIMA

Kali Kelima Mu'tamar di-adakan di-Baghdad, Iraq pada tahun 1962 (di-mana Brunei telah menghantar dua orang perwakilan-nya).

## MU'TAMAR KALI KE-ENAM

Kali Ke-enam Mu'tamar di-adakan di-Mogadishu pada tahun 1964 (di-mana Brunei telah menghantar dua orang perwakilan-nya).

## MU'TAMAR KALI KETUJOH

Kali Ketujoh Mu'tamar telah di-adakan di-Amman pada tahun 1967.

## SEKRITARIAT MU'TAMAR

Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami mempunyai Sekritariat-nya yang merupakan badan pelaksana bagi Mu'tamar. Di-samping itu terdapat pula sa-buah Majlis Tahunan yang merupakan pembuat dasar Mu'tamar yang bersidang sa-tahun sekali di-Mekah atau Jeddah, berdekatan dengan Sekretariat Pertubohan Persidangan Islam (The Organisation of Islamic Conference (O.I.C.) yang mempunyai hubongan rapat dengan pehak Mu'tamar. Mu'tamar ini berhasrat untok menubohkan Pertubohan Bangsa2 Bersatu Islam.

## BEBERAPA KEJAYAAN MU'TAMAR

Di-antara kejayaan terpenting Mu'tamar sa-jauh ini ia-lah memperkenalkan konsep Al-Kor'an mengenai kesatuan Umat Islam. Mu'tamar ini telah berjaya melaksanakan tugas-nya terhadap umat Islam selaku sifat-nya sa-bagai sa-orang tukang azan yang menyeru kapada persatuan dan memberi ingat akan berbagai2 bahaya yang boleh menimpa umat Islam di-dunia.

## PEMERHATI

Di-kalangan pertubohan2 Islam, Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami-lah yang mula2 mendapat pengiktirafkan Pertubohan Bangsa2 Bersatu (U.N.) dan mendapat kedudokan sa-bagai penasehat utama (Category 'A') bagi Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC dan UNICEF. Mu'tamar ini juga ada-lah yang mula2 sekali menerima pengiktirafan dan mendapat "Status Pemerhati" (Observer Status) kapada Pertubohan Persidangan Islam (OIC). Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami telah tiga kali berturut2 di-pileh sa-bagai anggota Majlis Pelaksana bagi Persidangan Pertubohan. Bukan Kerajaan di-bawah Pertubohan Bangsa2 Bersatu (CONGO) di-Geneva, yang demikian menjadikan Mu'tamar satu2-nya Pertubohan Islam yang menekmati ka-anggotaan di-majlis tersebut.

## CHADANGAN2

Dalam Mu'tamar kali kempat yang berlangsong pada 1951, Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami telah membuat resolusi menchadangkan peri mustahak-nya di-ujudkan International Muslim Force, Agency Berita Islam Antarabangsa, Station Radio Islam Antarabangsa, Bank Islam Antarabangsa dan Institute Kajian Strateji Islam Antarabangsa.

Dalam Mu'tamar kali kelima di-Baghdad tahun 1962, Mu'tamar telah menchadangkan keperluan bagi penyusunan suatu sistem pertahanan bersama dan pengerahan segala sumber2 ekonomi dunia Islam serta pembentokan Pasaran Bersama dan lain2 lagi.

## PERSIDANGAN PUNCHAK ISLAM

Dalam Mu'tamar kali keenam yang berlangsong di-Mogadishu pada tahun 1964, telah di-rumuskan persetujuan supaya di-adakan Persidangan Punchak Islam yang di-hadhiri oleh Ketua2 Negara dan Kerajaan Islam serta mengasaskan penubohan Sekritariat Islam yang merupakan Bangsa2 Bersatu Islam.

Di-samping kejayaan tersebut, Mu'tamar bukan hanya setakat membuat dan mengambil berbagai2 keputusan tetapi juga telah menghantar rombongan2 ka-seluroh negara2 Islam untok membuat tinjauan dan kajian2 penting dan bertukar2 pendapat mengenai masaalah penubohan Sharikat Berita Islam Antarabangsa, Station Radio Islam Antarabangsa, Matawang Islam Antarabangsa, pertahanan bersama, Pasaran Bersama Islam, Dewan Perniagaan, Perindusterian dan Ranchangan2 Perusahaan Bersama Islam.

## MENORITI

Di-samping itu rombongan2 Mu'tamar itu telah membuat kajian tentang masaalah2 dan keperluan2 menoriti umat Islam di-setengah2 negara dan berusaha memahami masaalah2 dan pengharapan2 mereka. Di-samping membuat chadangan2 dan mengemukakan pengharapan2 umat Islam dalam bentok bertulis, para perwakilan Mu'tamar ka-Sidang Pertubohan Persidangan Islam (OIC) sama ada dalam Persidangan Punchak, atau Menteri2 Luar Negara2 Islam, atau Surohanjaya atau kapada Sekritariat Umom, juga terus membuat gesaan2 bagi menchari huraian masaalah2 dan pengharapan2 tersebut. Mu'tamar merasa bangga kerana Pertubohan Persidangan Islam (OIC) telah dapat di-bentok dan telah berjaya menubohkan BANK PERKEMBANGAN ISLAM (THE ISLAMIC DEVELOPMENT BANK), TABONG PERPADUAN ISLAM (THE ISLAMIC SOLIDARITY FUND), AGENCY BERITA ISLAM ANTARABANGSA, (THE INTERNATIONAL ISLAMIC NEWS AGENCY), DEWAN PERNIAGAAN dan PERINDUSTERIAN, dan SUROHANJAYA GOLONGAN KECHIL ISLAM. Ada-lah menjadi harapan Mu'tamar supaya lain2 ranchangan saperti Pertahanan Keamanan Antarabangsa Islam, Strateji Pertahanan Bersama, Pasaran Bersama Islam, (Muslim Common Market) dan Agency Bantuan Islam akan dapat di-tubohkan tidak lama lagi.

Lain2 kejayaan Mu'tamar ia-lah membuat beberapa usaha di-Pertubohan Bangsa2 Bersatu bagi menolong pelarian2 Islam, Arakan, Burma dan Afghanistan. Di-samping itu telah juga memberikan jawapan2 dan gambaran2 yang sa-benar dan jelas dari sudut pandangan Islam terhadap penerbitan2 yang mengelirukan yang di-buat oleh sa-bahagian badan2 yang di-bawah Bangsa2 Bersatu, dan terus berusaha memahamkan pertubohan dunia itu akan identiti Islam dan kepentingan2 umat Islam.

## PENERBITAN2

Pada tahun 1962 Mu'tamar telah berjaya menerbitkan dan menyibarka[n] Peta Dunia Islam be[r]warna.

Pada tahun 1965 Mu't[a]mar telah menyibarkan sa[…] Jagatkatan (encyclopaedi[a] di-kalangan negara2 Isla[m] yang di-kenal deng[an] "World Muslim Gazetter" Jagatkatan itu telah d[i-]ulang chetak pada tah[un] 1975.

Mu'tamar telah juga me[n]erbitkan buku2 "Econ[o]mic Resources of The Mu[s]lim World", "Some Econ[o]mic Aspect of Islam", "I[s]lamic Culture A Few A[n]gles", "Studies of Musl[im] Commonwealth", "Rep[ort] on The Muslim Minorit[ies] of The World" untok [di-]kemukakan dalam Per[si]dangan Menteri2 Luar N[e]gara2 Islam di-Istanb[ul] yang di-ikuti pula deng[an] satu buku berjodol "Cou[n]try By Country Survey [of] The Muslim Minor[ity] Areas" pada tahun 1967 […] itu atas permintaan Se[tia] Usaha Agong OIC.

## MEMPERINGATI NUZULUL KOR'A[N]

Pada tahun 1385 Hij[rah] bersamaan dengan 19[…] Masehi Mu'tamar te[lah] mengemukakan chadan[gan] supaya di-adakan sambu[tan] besar2an bagi memperin[gati] turun-nya Al-Kor'an (N[u]zulul Kor'an) sa-panja[ng] tahun 1387 Hijrah sempe[na] kedatangan Abad ke-15 [tu]run-nya Al-Ko'ran. C[ha]dangan itu telah menda[pat] sambutan di-40 buah [ne]gara dan terdapat tiga bu[ah] negara telah mengeluark[an] setem khas di-samping [me]ngadakan lain2 achara [sa]perti pameran2, semin[ar] dan lain2 lagi. (Brunei [te]lah menyahut seruan M[u']tamar ini dengan menga[da]kan sambutan memp[er]ingati Nuzulul Kor'an [sa]chara besar2an pada tah[un] 1967 itu — Penulis).

Pada tahun 1950 Mu'[ta]mar telah mengemuka[kan] "Kertas Kashmir" (Ka[sh]mir Scroll) beserta sa-ju[ta] tanda tangan dari berbag[ai] negara seluroh dunia [ka]pada Setia Usaha Ag[ong] Bangsa2 Bersatu yang p[er]tama Tuan Trigvie — L[ie]. Dari tahun 1931 lagi Mu'[ta]mar telah bekerja keras u[n]tok Kebebasan dan Kem[er]dekaan negeri2 Islam ya[ng] di-bawah penjajahan Ba[rat] saperti Palestine, Pakist[an], Indonesia, Malaya, Tun[isia], Somalia, Algeria, Nige[ria] dan Pulau Comores ya[ng] mana Mu'tamar te[lah] menggunakan segala su[m]ber2-nya dan para perw[a]kilan-nya yang berada [di-]seluroh dunia untok mel[ak]sanakan tujuan terseb[ut]. Begitu juga Mu'tamar [ …] telah juga memberik[an] gambaran2 yang sa-ben[ar] dan adil tentang perj[ua]ngan orang2 Palestine b[agi] kemerdekaan tanah a[ir] mereka. Begitu juga [ …] tentang masaalah2 yang [di-]hadapi oleh raayat Cypr[us] Keturunan Turki, Oran[g] Eritrea, Orang2 Islam F[ili]pina dan Afghanistan.

(BERSAMBONG)



WAKIL negara2 Islam yang menghadhiri Mu'tamar Al-A'lam Al-Islami. Wakil2 Brunei kelihatan di-sebelah kanan sekali.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 21HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 SPREAD YOUR WINGS — "Hasan the Carpet Weaver"
Hasan Gulam Dhar yang berusia duabelas tahun tinggal di-perkampongan tepi sungai di-Kashmir, negeri utara di-India. Ia berusaha bersunggoh2 untok menjadi pakar tenunan dan untok mengekalkan tradisi tenunan permaidani yang di-warisi oleh keluarga-nya sa-lama beberapa jenerasi.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KIDNAPPED
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 MORK AND MINDY —
Oleh kerana sukar bagi-nya untok memahami chara penghidupan di-bumi, Mork dari planet Ork berkeinginan sekali untok menchari kerja bagi menyesuaikan diri-nya hidup bermasharakat. Ia terus tinggal di-attic teman-nya Mindy di-bumi dan membiasakan dirinya dengan jiran Mindy, Mr. Bickley. Ia mendapat kawan2 baru bila ia bertemu Remo dan Jean Da Vinci, yang mengusahakan The New York Delicatessan di-Boulder, Colorado.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. "Strike"
7.45 AZAN ISHA
7.49 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 PARIS — "Friends and Enemies"
Hasil2-nya sunggoh menghairankan bila Paris menyiasat pembunohan sa-orang tuan punya restoran yang tidak bersenjata oleh sa-orang pulis.
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV: "How Do I Love Thee"
11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 22HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 A PLACE TO LIVE
5.15 UNDER THE SAME SUN
5.35 SPIDERMAN — "The Vulture's Prey"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL
7.45 AZAN ISHA
7.49 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 DOCUMENTARY: "Aurora"
10.30 HAGEN — "Hear No Evil"
11.20 PERLAWANAN GUSTI
12.10 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 23HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 BAD NEWS BEARS —
Beberapa pertemuan luchu yang menggembirakan di-mana kejayaan dan kemusnahan bersileh ganti bilamana pemain2 baseball yang kechil chuba berlagak besar
5.00 STAR MAIDENS — "Kidnap"
Dua orang ahli saintis asing memujok Fulvia untok meminum champagne, dan menawan-nya bila ia mabok.
5.30 THE MUPPETS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CASPER AND THE ANGELS
6.26 DICK TURPIN
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 DICK TURPIN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TELEMATCH
7.45 AZAN ISHA
7.49 TELEMATCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 PERADUAN NASHID SEMPENA MENYAMBUT ISRA MERAJ
9.00 BENSON — "Benson In Love"
Benson jatoh chinta pandang pertama bila ia bertemu Francine yang jelita, sa-orang senator.
9.30 QUINCY — "Last Six Hours"
Quincy mendapati diri-nya berjuang untok hidup atau mati dalam mengasingkan sa-jenis rachun misteri yang telah menyebabkan kematian dua orang dan juga mengancham nyawa teman baik-nya Sam Fujiyama.
10.20 BIG LEAGUE SOCCER
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 24HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SCOOBY DOO
6.30 POP GOSPEL



KATE Mulgrew bintang utama "KATE LOVES A MYSTERY" — sa-buah siri baru yang akan mula di-tayangkan pada hari Ahad jam 9.00 malam.

6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 POP GOSPEL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "Ellie Saves The Day"
Tindakan2 kewangan J.R. yang kurang jujor membahayakan kedua2 Southfork Ranch dan berjuta2 ringgit.
7.45 AZAN ISHA
7.49 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 BIG VALLEY — "Pursuit"
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 25HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
5.30 READING WITH LENNY
5.45 HANDFUL OF SONGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S SPACE RACE
6.30 DON'T ASK ME
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 DON'T ASK ME — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.45 AZAN ISHA
7.49 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 JUST FRIENDS — "A Fine Romance"
9.00 KATE LOVES A MYSTERY —
Kate Mulgrew kembali berlakun sabagai sa-orang pemberita dalam satu akhbar di-mana pemikiran-nya yang gemar menyelidek menyesuaikan peranan sa-bagai ditektif amator. Bagaimana pun, ia tidak lagi di-kenali sabagai isteri Lt. Columbo. Kini ia hanya di-kenali sa-bagai KATE CALLAHAN, yang menggunakan nama asal-nya sa-lepas ia bercherai dengan diam2. Nama Columbo di-lupakan bila Kate munchol sa-bagai sa-orang individu yang bebas, bukan meneruskan peranan sa-bagai ditektif Columbo.
9.50 LOVE AMONG THE ARTISTS
10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "William and Mary"
Elain Stritch yang berfikiran bebas mendapatkan satu chara untok membalas dendam terhadap suami-nya . . . walau pun sa-telah kematian-nya.
11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 26HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 BIG BLUE MARBLE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "The Search"
Sa-ekor anak harimau yang sesat dan lemah terperangkap oleh sa-orang penjerat dan sa-kawan serigala, menjadi objek yang di-chari oleh Grizzly dan Mad Jack.
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 GRIZZLY ADAMS — sambongan



JACK Klugman berlakun sa-bagai Quincy dalam satu adigan mistri penyiasatan yang menyeronokkan dalam siri QUINCY. Episod minggu ini berjodol "The Last Six Hours."

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.46 AZAN ISHA
7.50 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 EISCHIED
9.40 ROAD TO MOSCOW
10.30 LOU GRANT — "Romance"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 27HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CASTAWAY — "The Island"
Sa-buah kapal layar menuju ka-tanah baru Australia di-pertengahan Abad ke-19 dengan kargo yang penoh dengan muatan berbagai jenis manusia. Saperti tajok-nya, kapal ini tidak sampai ka-Australia. Kapal ini musnah dalam ribut di-Pasifik dan hanya beberapa orang penumpang saja dan anak kapal yang selamat. Episod malam ini berjodol "The Island".
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Mission To Inner Space"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SHIRLEY — "Play On Words"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 SHIRLEY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STONE — "Homicide"
Stone menghadapi gangguan dan diperentahkan untok menamatkan pengawasan-nya ka-atas sa-orang penjenayah yang di-fikirkan-nya tentu sekali bersedia untok melakukan rompakan.
7.46 AZAN ISHA
7.50 STONE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR: "To Kill A Cop"
11.45 SIARAN TAMAT.

# PESERTA2 DAERAH TEMBURONG KA-PERENGKAT SEPAROH AKHIR



Ramlah bte Ahmad



Abdul Aziz bin Ahmad



Rosidah bte Abiddin



Fauziah bte Hitam



Sulaiman Amp. Haji Judah



**PENOLONG Pegawai Daerah Temburong, Awang Ahmad Bohari bin Begawan Khatib Haji Abu Hanifah, sedang menyampaikan hadiah2 kapada peserta2 Bintang Kechil Radio Daerah Temburong, yang berlangsong di-Dewan Ria Pekan Bangar, pada hari Sabtu, 10hb Mei yang lalu.**

SA-RAMAI lima orang peserta dari Daerah Temburong, telah di-pileh ka-Peraduan Bintang Kechil Radio Perengkat Separoh Akhir yang akan di-adakan dalam bulan Jun depan.

Mereka telah di-pileh dari 15 orang peserta yang bertanding dalam perengkat daerah yang telah di-adakan di-Dewan Ria Pekan Bangar, pada hari Sabtu, 10hb Mei yang lalu.

Peserta2 yang terpileh itu ia-lah : — Ramlah bte Ahmad, Abdul Aziz bin Ahmad, Rosidah bte Abiddin, Fauziah bte Hitam dan Sulaiman Amp. Haji Judah.

Peserta2 ini nanti, akan di-gabongkan sekali lagi dengan peserta2 dari Daerah Brunei-Muara sa-ramai 10 peserta, untok di-pileh ka-perengkat akhir.

Sementara itu, lapan orang dari Daerah Belait dan tujoh orang dari Daerah Tutong akan di-gabongkan dalam peraduan perengkat separoh akhir, untok mewakili ka-perengkat akhir.

Radio dan Talivishen Brunei, akan merakamkan peraduan separoh akhir bertempat di-Dewan Raya RTB untok di-tayangkan kapada orang ramai.

Peraduan perengkat akhir akan di-siarkan sa-chara langsong melalui Radio dan Talivishen Brunei. Masa dan tarikh-nya akan di-umomkan kemudian.



**SALAH satu adigan dalam tayangan gambar 'How Do I Love Thee' yang akan di-tayangkan pada malam ini jam 9.40 malam (gambar atas). Sementara gambar bawah pula kelihatan pengganas2 Everett Walker (Louis Gossett Jr.) dan Charles (Nathan George) menghimpunkan senjata2 mereka bagi serangan terhadap beratus2 orang pegawai pulis yang berhimpun untok pengkebumian teman mereka dalam "To Kill A Cop" yang akan di-tayangkan pada hari Selasa jam 9.15 malam.**



# SIRI PENGEMBARAAN — CASTAWAY - mulai hari Selasa ini

SA-BUAH kapal layar memulakan pelayaran-nya menuju ka-Australia, di-pertengahan abad yang ke-19, dengan membawa bersama kargo2 yang terdiri dari orang2 yang hendak menetap di-sana, bekas2 orang salah dan juga askar2.

Sa-bagaimana yang dapat di-ertikan dari tajok di-atas, kapal layar ini tidak pernah sampai ka-Australia. Ia-nya hanya terapong-apong di-Lautan Pasifik, dan akhir-nya musnah dan hanya sa-bahagian sahaja kakitangan2 dan penumpang-nya selamat sampai ka-tanah kering.

Mereka yang terselamat ini kebetulan-nya terdiri dari satu keluarga Inggeris yang terdiri dari bapa, emak dan anak perempuan, yang sa-chara kebetulan hendak bekerja di-lombong emas di-Australia, sa-orang anak gadis yang hendak kahwin, dan sentiasa berada di-dalam ketakutan untok tidak bertemu lagi dengan kekaseh-nya, dua orang banduan, sa-orang pesalah yang mana kesalahan-nya hanya menchuri sa-guni ubi kentang, dan beberapa orang banduan lain dengan kesalahan2 masing2, sa-orang tukang jaga keselamatan yang senantiasa menganchan kedua orang banduan sa-bagai orang salah yang di-takuti, dan akhir sekali sa-orang budak lelaki yang telah menjadi anak yatim ketika kapal layar itu karam dan dalam dua minggu sahaja bertukar menjadi sa-orang yang dewasa.

Ada terdapat banyak persaingan di-antara watak2 tersebut, tetapi apa-lah guna-nya perbedzaan ini jika awda tidak mempunyai tempat tinggal dan lapar dan berada di-pulau yang di-kelilingi oleh orang2 pulau yang berlaku sa-akan2 saperti kanibal ? Dari kumpolan sa-demikian sa-bahagian daripada mereka terpaksa menchuba untok selamat.

Mereka terpaksa menghadapi bahaya2 keadaan luar dan primitif, tetapi di-sebabkan oleh azam kuat untok meninggalkan pulau itu dan pendapat2 yang berbedza tentang chara yang paling baik untok meninggalkan pulau, memberikan siri2 yang dramatik dan menyeronokkan.

intis[illegible] RT[illegible] minggu[illegible]



THE new computer [illegible] Hospital in Banda[illegible] is part of the Laborator[illegible] is involved in the handlin[illegible] specimens taken from pa[illegible] out the State of Brunei. Radioscope Dr. Kay told [illegible] puter system is.

This week, he as well [illegible] Haji Ali, the microbio[illegible] talking about how large [illegible] is as well as it's cost and [illegible] lab. The programme prod[illegible]



A visit to the general [illegible] Unravelled the reaso[illegible] Happy to relate their stories, [illegible] over the worst and appear t[illegible] school work however, as th[illegible] out of mischief.

Children's Half Hour [illegible] the English Radio Network.



AWANG Haji Badaruddin ketika mengalu2kan usaha Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang di-Mukim Bokok pada mengadakan majlis cheramah oleh2 dari Kursus Sivik yang telah di-adakan baru2 ini.

# MAJLIS CHERAMAH OLEH2 DARI KURSUS SIVIK

TEMBURONG. — Satu majlis cheramah oleh2 dari Kursus Sivik Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Bokok, Temburong di-sini pada hari Jumaat 16hb Mei yang baru lalu.

Majlis pada hari itu di-anjorkan oleh pendudok2 Mukim Bokok di-mana tetamu kehormat di-upachara itu ia-lah Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Achara majlis pada pagi itu telah di-mulakan dengan uchapan alu2an yang telah di-sampaikan oleh Awang Salleh bin Bungsu, Penghulu Mukim Bokok yang selaku Pengerusi majlis cheramah kemudian ia-nya di-ikuti dengan uchapan oleh Awang Haji Badaruddin dan uchapan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakob bin Haji Ahmad.

Majlis cheramah oleh2 kursus sivik itu ada-lah semata-mata bertujuan untok memberikan kesedaran sivik kapada pendudok2 di-negeri ini ia-itu pada mengukohkan, mempertebal, mengembeling serta menegohkan semangat bernegara dan bekerajaan di-kalangan raayat dan pendudok2 di-negeri Brunei Darussalam ini.

Tiga orang, terdiri dari sa-orang penghulu dan dua orang ketua kampong telah memberikan cheramah2 oleh2 kursus di-majlis pada pagi itu. Mereka ia-lah Penghulu Mukim Bokok, Awang Salleh bin Bungsu memberikan cheramah mengenai dengan Undang2 dan Taraf Kebangsaan Negeri



PENGHULU Mukim Bokok, Awang Salleh bin Bungsu selaku Pengerusi Majlis ketika menyampaikan uchapan alu2an. Beliau juga menyampaikan cheramah oleh2 kursus mengenai Undang2 dan Taraf Kebangsaan Negeri Brunei. Di-sebelah kiri ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakob bin Haji Ahmad dan di-sebelah-nya Awang Haji Badaruddin.

Brunei; Awang Osman bin Nayan, Ketua Kampong Bokok memberikan c mah dalam bahagian Projek Ternakan Lembu di-Tungku dan Awang Haji Salleh bin Abdullah yang menyampaikan cheramah ia-itu mengenai dengan Projek Penanaman Padi Kerajaan di-Wasan.

Majlis itu telah mendapat sambutan yang hangat dan menggalakan dari pendudok2 kampong di-mana lebeh daripada 100 orang anak2 kampong telah menghadhiri-nya. Dan turut hadhir di-majlis itu ia-lah Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanafiah dan lain2 pegawai dari Bahagian Penerangan. Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

# Peraduan menulis novel, drama pentas, Radio dan TV

DALAM usaha memupok dan memperkembangan kesusasteraan di-negeri ini, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei tidak kendor2-nya berusaha ka-arah chita2 itu. Sa-lain daripada menerbitkan majalah *Beriga*, *Bahana* dan *Mekar*, juga telah menganjorkan berbagai-bagai peraduan menulis cherpen untok bachaan orang dewasa dan kanak2 bagi memupok bakat kreatif di-kalangan penulis2 Brunei.

Sa-bagai lanjutan daripada usaha tersebut, buat julong2 kali-nya Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei menganjorkan pula Peraduan Menulis Novel Sempena Tahun Hijrah 1400 yang terbuka kapada penulis2 warga negara Brunei dan yang berhak menjadi warga negara Brunei.

Satu perjumpaan di-antara penulis2 dengan Ahli2 Jawatankuasa Peraduan Menulis Novel itu telah di-adakan pada hari Ahad, 11hb Mei, 1980 yang lalu bertempat di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Perjumpaan hari itu telah di-hadhiri oleh kira2 70 orang penulis dan bakal peserta peraduan.

Dalam uchapan ringkas-nya di-majlis hari itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Awang Mahmud Haji Bakyr sa-laku pengerusi peraduan telah menerangkan bahawa peraduan menulis novel itu di-adakan ada-lah sa-lain daripada memperingati Sempena Tahun Hijrah 1400, juga di-hasratkan sa-bagai persediaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei untok menyambut Kemerdekaan Brunei pada tahun 1983.

"Dari peraduan ini nanti, kami mengharapkan sa-bagaimana yang di-ma'alomi ketandusan penulisan novel di-Brunei dapat di-isikan, dan pada tahun 1983 nanti kita akan dapat melihat sekurang2-nya sa-buah daripada novel hasil peraduan ini dapat di-usahakan untok di-terbitkan bagi bachaan orang ramai," tegas beliau.

Thema peraduan ini, kata beliau lagi sengaja di-pileh untok memberikan keutamaan kapada Islam sa-bagai ugama rasmi di-negeri ini. Dengan kata lain thema peraduan ini ada-lah khusus berunsor dan berlatarbelakangkan perkembangan shi'ar Islam dalam menghayati penghidupan dan pembangunan negara.

Ketika menjawab soalan peserta mengenai thema peraduan itu, Awang Mahmud berkata, "Maksud pembangunan negara itu ada-lah luas, ia menchakup usaha2 pembangunan rohani dan jasmani di-Brunei sejak Perlembagaan Bertulis tahun 1959 hingga masa sekarang yang melibatkan perubahan2 hidup dan chara hidup raayat dan pendudok di-negeri ini."

Sa-jumlah $19,000.00 wang tunai telah di-sediakan untok peraduan tersebut. Pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga masing2 akan menerima hadiah wang tunai bernilai $7,000.00, $5,000.00 dan $3,000.00. Empat hadiah bernilai $1,000.00 tiap2 satu akan di-berikan kapada novel2 yang mendapat Hadiah Penghargaan.

Sa-rentak dengan pelancharan dan pengumoman Peraduan Menulis Novel itu, pada hari itu juga telah di-umomkan Peraduan Menulis Drama Pentas, Radio dan Talivishen untok persembahan/bachaan audiens

Lihat muka 10




MAJLIS perjumpaan di-antara penulis2 dengan Ahli2 Jawatankuasa Peraduan Menulis Novel yang telah di-adakan pada 11hb Mei yang lalu. — Gambar DBP.

# Perkumpolan Kerjaya Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Kerjaya Jabatan Pelajaran Brunei akan menganjorkan Perkumpolan Kerjaya Negeri pada bulan Julai depan bertempat di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sekolah Sain Jalan Muara.

Tujuan mengadakan perkumpolan tersebut antara lain ia-lah untok memberikan kesedaran kapada penuntut tentang peluang pekerjaan yang ada di-keliling mereka serta peluang bagi latehan dan pelajaran penoh masa.

Di-samping itu juga ia-nya ada-lah bertujuan untok memberikan nasehat dalam menentukan pilehan yang berkaitan dengan peluang pekerjaan, melanjutkan pelajaran dan latehan.

Tujuan yang utama sekali ia-lah untok membentok atau menimbulkan kesedaran dalam peluang pekerjaan dan ranchangan tenaga pekerja dalam berbagai Jabatan Kerajaan dan sektor2 persendirian.

Jabatan Pelajaran sekarang telah pun berusaha untok mendapatkan kerjasama dari jabatan2 kerajaan dan sektor2 persendirian untok menjayakan perkumpolan tersebut.

## Ahli2 J-kuasa PPKS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemandu2 Kereta Sewa Daerah Brunei-Muara telah melantek ahli2 jawatankuasa tadbir persatuan itu bagi tahun 1980/81.

Dalam mashuarat itu Awang Haji Garip bin Haji Mangol telah di-pileh sa-bagai Yang Dipertua dan Awang Pungut bin Limbang sa-bagai Timbalan-nya.

Setia Usaha ia-lah Awang Jamil bin Haji Tahamit dan Timbalan-nya ia-lah Pg Hashim bin Pg Tengah.

Bendahari — Awg Abd Hamid bin Mohammad dan Timbalan-nya Awg Haji Karim bin Akim.

Setia Usaha Kebajikan — Awg Mohammad bin Matusin dan Awg Ampal bin Ahad sa-bagai Timbalan-nya.

Empat orang telah di-pileh sa-bagai ahli jawatankuasa. Mereka ia-lah Awg Raya bin Lamat, Awg Haji Chuchu bin Buntar, Awg Haji Simpul bin Haji Mangol dan Awg Misir bin Ahad.

## Kursus pengadil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Lembaga Pengadil Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei dan Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Brunei akan memulakan kursus pengadil bolasepak kelas III pada 15hb Jun, 1980, bertempat di-Maktab SOAS di-sini.

Kursus tersebut akan di-teruskan pada tiap2 hari Ahad dan akan berakhir pada 27hb Julai, 1980.

Ia-nya ada-lah terbuka kapada kaki-tangan Jabatan2 Kerajaan, ahli2 Persatuan, Kelab, Firma, dan Badan2 Kebajikan seluroh negeri.

Mereka yang ingin menyertai kursus tersebut ada-lah di-minta memberikan nama2 mereka kapada:—

a) Ibrahim bin Pehin Dato Haji Johari, d/a Bahagian Penerangan, S.U.K.; b) Musa Libut, d/a Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong; dan c) Kassim Abdullah, d/a Jabatan Kerja Raya, Belait.

Tarikh terakhir bagi menerima peserta2 kursus ia-lah pada 24hb Mei, 1980.

# PERKHIDMATAN IBUSAWAT TALIPON MUMONG AKAN DI-MULAKAN PADA HARI JUMAAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ibusawat Talipon Mumong yang baru akan di-mulakan perkhidmatan-nya pada hari Jumaat 23hb Mei jam 11.30 pagi.

Mulai pada tarikh tersebut pelanggan2 di-nasehatkan supaya menggunakan peratoran tersebut bagi penukaran numbor2 Kuala Belait dan Mumong yang lama kapada yang baru :—

MUMONG — Tambahan angka 3 pada tiap2 numbor lama, ia-itu numbor lama 2222 menjadi 32222 numbor baru.

KUALA BELAIT — Numbor lama di-mulakan dengan angka 2, gantikan angka ini dengan angka permulaan 34, ia-itu numbor lama 2200 menjadi 34200 numbor baru.

Numbor lama di-mulakan dengan angka 3, gantikan angka ini dengan angka permulaan 35, ia-itu numbor lama 3333 menjadi 35333 numbor baru.

Kekechualian terhadap peratoran sa-belum-nya ada-lah saperti berikut :—

**Bomba**
Numbor lama KB 2555
Numbor baru MUM 32555

**Kereta Sakit**
Numbor lama KB 2366
Numbor baru MUM 32366

**Pulis**
Numbor lama KB 2333
Numbor baru MUM32333

Pelanggan2 di-Daerah Belait ada-lah di-ingatkan bahawa sa-lepas Pembukaan Ibusawat Baru di-Mumong mereka tidak akan menggunakan angka2 4, 8 dan 9 untok membuat panggilan2 ka-Seria, Mumong dan Kuala Belait.

Mithal-nya : Pelanggan2 dari Seria yang ingin membuat panggilan ka-Mumong atau Kuala Belait hendak-lah mendail numbor baru sahaja. Pelanggan2 di-Daerah2 Brunei-Muara, Temburong dan Tutong mesti-lah mendail 03 + numbor baru pelanggan2, untok mendapatkan pelanggan2 di-Ibusawat Mumong yang baru. Semua pelanggan2 yang di-selenggarakan dari Ibusawat Kuala Belait yang ada sekarang ini akan di-tukarkan kapada Ibusawat Mumong yang baru vang hari Jumaat 23hb Mei jam 11.30 pagi dan akan mempunyai 5 angka mengikut peratoran2 yang berikut di-atas.

Pengaduan kerosakkan pelanggan2 di-nasehatkan mendail 11 dan bukan-lah 011.

Perkhidmatan2 yang lain ada-lah saperti biasa.

Sementara itu Pengarah Talikom meminta ma'af kapada pehak awam atas kesulitan yang telah berlaku berkenaan dengan Buku Panduan Talipon baru yang mana sa-harus-nya di-keluarkan pada 15hb Mei 1980, tidak akan di-perolehi sa-hingga 31hb Mei. Ini ada-lah di-sebabkan oleh sasuatu perkara di-luar kawalan Jabatan ini. Buku Panduan Talipon keluaran baru boleh di-perolehi di-Pejabat2 Jabatan Talikom mulai 31hb Mei 1980.

Dari muka 9

di-kalangan kanak2 dalam lengkongan 12-16 tahun. Drama Pentas, Radio dan Talivishen itu di-anggarkan dalam 20-30 minit persembahan. Sa-jumlah $5,400.00 telah di-sediakan untok Peraduan Menulis Drama ini.

Satu perjumpaan yang sama akan di-adakan juga di-Daerah Belait pada hari Ahad, 25hb Mei, 1980 ini, jam 9.30 pagi bertempat di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait. Sa-orang juruchakap peraduan memberitahu ada-lah di-harapkan semua penulis dan bakal peserta peraduan dari Daerah Belait di-alu2kan menghadhiri perjumpaan tersebut. Borang penyertaan serta sharat dan peratoran peraduan akan di-edarkan dalam perjumpaan itu.

# Ketua Yunit Latehan yang baru



Awang Mohd Alimin bin Haji Abdul Wahab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan melantek Awang Mohd Alimin bin Haji Abd Wahab, Pegawai Pentadbir Kumpolan IV untok memenohi jawatan Ketua Yunit Latehan Perjawatan. Lantekan beliau ka-jawatan itu bermula 1hb Mei, 1980.

Awang Mohd Alimin yang berusia 33 tahun di-lahirkan di-Kampong Sumbiling Lama di-ibu negeri dan mula mendapat pendidekan asas di-Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dari tahun 1953. Beliau meneruskan pelajaran-nya di-Maktab SOAS dari tahun 1957 hingga tahun 1966 dan telah lulus tingkatan lima sa-belum meneruskan pelajaran-nya ka-seberang laut.

Beliau telah di-korniakan biasiswa oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok melanjutkan pengajian-nya dan telah lulus pepereksaan 'A' level. Dan dalam tahun 1972 beliau telah mendapat Ijazah Sarjana Muda (BA) dari Universiti London.

Kemudian dalam tahun 1974 beliau meneruskan pengajian untok mengambil "post gradute" dalam bahagian pendidekan (PGCE) dari Universiti Newcastle-Upon-Tyne. Dan dalam tahun 1978 beliau telah memperolehi Ijazah Sarjana (MA) dari Universiti Sussex, United Kingdom.

Awang Mohd Alimin mula berkhidmat dengan kerajaan pada tahun 1972 dan pada bulan Oktober tahun 1973 sa-bagai sa-orang guru yang tidak terlateh dan dalam tahun 1973 hingga 1974 beliau kembali ka-United Kingdom untok mengikuti kursus teori pendidekan dengan memperolehi distinction dalam bidang ini.

Beliau kembali ka-Brunei dalam tahun 1974 dan memegang jawatan selaku Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara sa-lama dua bulan ia-itu dari bulan Mei 1974. Dan pada tahun 1974 (September) beliau memegang jawatan Pengetua Maktab SOAS dan dalam tahun 1976 beliau telah menjadi Pengetua Pusat Tingkatan Enam hingga bulan Oktober 1976.

Dan pada tahun 19[…] beliau telah di-lantek se[…] ku Penguasa Pelajaran M[…] nengah, Jabatan Pelajar[…] Brunei dan pada bulan M[…] 1980 beliau di-naik[…] pangkat sa-bagai Pega[…] Pentadbir dalam Kumpo[…] Empat.

Awang Mohd Alimin m[…] menohi jawatan terse[…] ia-lah bagi menggantik[…] Awang Hj Jaya bin Ab[…] Latif yang telah di-lan[…] menjadi Timbalan Penga[…] Perjawatan.

Awang Haji Jaya men[…] tuai Yunit tersebut se[…] ia-nya di-tubohkan dal[…] tahun 1976.

# J-kuasa Perayaan Hari Keputeraan bagi Daerah Tutong

TUTONG.— Jawatankuasa Tadbir sambutan perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kali yang ke-34 tahun di-Daerah Tutong telah di-bentok dalam satu mashuarat pada hari Sabtu lalu.

Majlis yang di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Tutong itu sa-bulat suara telah melantek Pegawai Daerah Tutong, Awg Haji Chuchu bin Penglima As[…] Dato Paduka Haji Ab[…] lah sa-bagai Pengerusi [...] watan sambutan.

Pehin Orang Kaya Pe[…] ma Sura Awang Haji A[…] Manan bin Muham[…] dan Awang Haji Bolhas[…] bin Haji Mohamad Jair[…] lantek sa-bagai Timbal[…] Pengerusi.

Awang Adanan bin H[…] Hanafiah di-lantek sa-ba[…] Setia Usaha dan Aw[…] Chong Seng Toh sa-ba[…] Bendahari.

Beberapa jawatanku[…] telah juga di-bentok un[…] sambutan tersebut.

Majlis itu telah ju[…] membinchangkan rancha[…] an2 yang akan di-adak[…] sa-bagai menyambut pe[…] yaan tersebut yang [...] jangka bermula dalam [...] lan September.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 15hb Mei 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur.
2. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA 24 kati (Singapore) — $28.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Hiap Kee,
      No. 1, Kampong Sultan Lama.
   b) Tan Lee Cheng,
      No. 1-B, Kampong Sultan Lama,
3. BAWANG PUTEH — $2.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Ming Thye Company,
   No. 32, Jalan Sultan.
4. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.
5. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.

**SERIA**

1. LADA KERING — $3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Poh Seng,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA 24 kati (Singapore) — $29.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Siong Huat,
   No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
3. BAWANG PUTEH — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
4. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Poh Seng,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
5. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sim Fatt Hin,
   No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 21hb hingga 27hb Mei 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 21.5.1980 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 21.5.1980 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 21.5.1980 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 24.5.1980 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 24.5.1980 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 24.5.1980 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 26.5.1980 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 26.5.1980 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 27.5.1980 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 27.5.1980 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# KETETAPAN HARGA KERETA FIAT

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini, Pengawal Harga telah meluluskan harga2 bagi kereta Fiat dari SHARIKAT FIAT DISTRIBUTORS saperti berikut : —

| JENIS KERETA (Type of Car) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) |
|---|---|
| FIAT 131 CL MIRAFIORI 1600 (Manual) 4-Doors 2 pieces seat belt | $15,850.00 |
| FIAT 131 CL MIRAFIORI 1600 (Automatic) 4-Doors 2 pieces seat belt | $16,500.00 |
| FIAT 131 SUPERMIRAFIORI 1600 (Manual) 4-Doors 2 pieces seat belt | $16,000.00 |
| FIAT 131 SUPERMIRAFIORI 1600 (Automatic) 4-Doors 2 pieces seat belt | $16,920.00 |
| FIAT 131 RACING 2000 (Manual) 2-Doors 2 pieces seat belt | $18,000.00 |
| FIAT RITMO 75 CL (Manual) 4-Doors 2 pieces seat belt | $14,900.00 |
| FIAT RITMO 75 CL (Automatic) 4-Doors 2 pieces seat belt | $15,600.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual2 harga kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjokkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilek pameran (showroom) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ejen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga2 kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Kursus Pengenala[…]

BANDAR SERI BEGAW[…] — Sa-ramai 13 orang pegaw[…] kanan Kerajaan akan m[…] hadhiri satu kursus pengena[…] Sharikat Minyak Shell Br[…] Berhad. Kursus sa-lama em[…] hari itu akan bermula p[…] hari Isnin 26hb Mei.

Sa-masa menghadhiri ku[…] peserta2 akan mendengar [...] rahan dan penerangan me[…] nai dengan bidang usaha sh[…] kat itu. Mereka juga akan [...] bawa melawat ka-tempat2 [...] tentu yang bersangkutan [...] ngan usaha serta pergera[…] sharikat itu.



DALAM ranchangan Siswazah Brunei minggu ini para pendengar akan dapat mengikuti temuramah kami dengan Awang Md Yassin bin Ampuan Salleh (kiri). Awang Md Yassin, Pegawai Hutan Daerah lulus dari University of North Wales dalam tahun 1970 dengan memperolehi ijazah B.Sc. dalam bidang Kehutanan.

Temuramah kami dengan beliau akan dapat di-ikuti pada hari Ahad 25hb Mei jam 11.00 pagi dan ulangan-nya pada hari Rabu jam 7.30 malam.

Gambar atas kelihatan Awang Md Yassin sedang di-temuramah oleh Ak Sulaiman bin Pg Haji Tuah.



SIRI komidi 'Mork And Mindy' akan menemui awda penunton sekali lagi. Ranchangan ini akan mula di-tayangkan pada petang ini bagi menggantikan siri Bewitched. Tayangan ia-lah jam 6.37 petang.



ıand will be broadcast on Friday 23rd ıay at 12.00 noon and a repeat of it ın be heard on Tuesday 27th May at 30 p.m.

Picture shows the comparison of the ·w and the old method of handling ecimen's and results. The two girl's on e left are working the computer terinals and 'log—in' for processing. The ree people on the right are sorting out e old hand — written results to be sent ck to the doctors by hand instead of ectronically.



r of Children's Half Hour, Veronica Shim. st out of a total of 28 children on the ward. ngst others, these children have certainly got in hospital. No reason to miss out on a classroom has been organised to keep them

broadcast every Sunday at 11 o'clock over

# RANCHANGAN TVP DARI 26HB HINGGA 31HB MEI

## ISNIN — 26HB MEI

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Mesin Mudah 2'

Ranchangan ini ada-lah lanjutan dari ranchangan 'Mesin Mudah 1'. Ranchangan ini menerangkan lebeh lanjut lagi mengenai salah satu jenis mesin-mudah ia-itu tuas.

Apa-kah dia tuas ?

Bagaimana tuas di-gunakan ?

Ada-kah tuas masch di-gunakan ka-hari ini ?

Ikuti-lah ranchangan ini untok mengetahui jawapan-nya.




10.30 KAP KAP UDANG 91
Ranchangan kali ini di-isikan dengan ruangan BERMAIN KUDA, LIHAT & PERHATI, KATA SI-MANIS, PA' LONG dan GAMBAR DAN SEBUTAN.

Di-ruangan LIHAT & PERHATI, Chegu Sa'diah akan melihatkan gambar2 yang berkaitan dengan benda2 yang terdapat di-dalam bank saperti wang kertas, duit shiling dan lain2.

Chegu Sa'diah akan mengajar kanak2 benda2 yang bermula dengan huruf E & F.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 91.

## SELASA — 27HB MEI

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Mesin Mudah 2'

10.30 KAP KAP UDANG 92.
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKON, KERJA TANGAN, BERMAIN BAKUL, SI-MANIS, dan HALAMAN MENGAJAR.

Di-ruangan KERJA TANGAN, Chegu Sa'diah akan menunjokkan kanak2 chara2 membuat tabong duit daripada tin dan di-HALAMAN MENGAJAR Chegu Sa'diah akan mengajar kanak2 mengenal perbedzaan duit shiling dan chara2 mengira nilai-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 92.

## RABU — 28HB MEI

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Mesin Mudah 2'

10.30 KAP KAP UDANG 93.

BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMINAH, BELON SI-MANIS dan YANG MANA GANJIL ada-lah di-antara aktiviti2 yang dapat di-ikuti pada ranchangan kali ini.

Dalam ruangan TUNJOK BENDA, kanak2 akan menunjokkan kapada Chegu Sa'diah barang2 yang mereka bawa. Ruangan YANG MANA GANJIL bermaksud untok menguji penglihatan kanak2. Chegu Sa'diah akan menunjokkan beberapa kumpolan gambar. Kemudian mereka di-kehendaki meneka gambar mana yang ganjil dari sa-tiap kumpolan.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 93.

## KHAMIS — 29HB MEI

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Mesin Mudah 2'

10.30 KAP KAP UDANG 94
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENAM dan HALAMAN BERCHERITA.

Di-ruangan PETI SURAT, Chegu Sa'diah akan membachakan surat2 yang di-kirimkan oleh kanak2 yang belum dan telah menyertai ranchangan Kap Kap Udang.

Di-HALAMAN BERCHERITA, pula Chegu Sa'diah akan bercherita kapada kanak2 tentang kesah sa-ekor beruang yang tidak pandai ketawa.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 94.

## SABTU — 31HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 95.
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 saperti MAIN KERUSI, MAIN BANG, KETUA KESELAMATAN, AMIN dan HALAMAN BERCHERITA.
Di-ruangan MAIN BANG, Chegu Sa'diah akan mengeluarkan dua kad berpasangan, jika gambar kedua kad itu bersamaan kanak2 akan menyebut BANG, dan terus menepukkan tangan ka-atas gambar2 tersebut.

Di-HALAMAN BERCHERITA, Chegu Sa'diah akan mencheritakan kanak2 kesah sa-orang budak perempuan yang ingin menolong emak-nya menjahit.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 95.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Bengkel Radio (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam, Azan Bingkisan Hari ini/ Menunaikan Sembahyang. **MALAM :** 7.00 — Seiring Jalan; 7.30 — Siswazah Brunei (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30— Salam Mesra (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek Ku (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30— Sinar Chahaya. **T/HARI :** 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45 — Menjelang Rehat. **PETANG :** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Majallah Ugama/ Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Koran; 6.15 — Mukkaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Hidayat; 9.30 — Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 8.45 — Selingan Irama; 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. **T/HARI :** 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 —Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). **PETANG :** 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00 — Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30 — Chitrawara (SU); 5.00— Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Gurindam Lagu (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 9.30 — Majallah Ugama/Petekan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Waria Peristiwa (SU); 10.30 — Saling Jalan (SU); 11.00 — Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30 — Berdendang Dengan Ku. **T/HARI :** 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. **PETANG :** 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan,Azan Asar; 4.00 — Chitra Irama; 4.30 — Tunas Pendidek; 5.00 — Dunia Minggu Ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Treo Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Purbawara (Diang Dangan); 9.00 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Senandong Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — Pencharagam Tempatan; 11.00 — Siswazah Brunei; 11.30— Album Penyanyi. **T/HARI :** 12.00 — Sandiwara Radio, Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB Bintang Kechil; 1.45 — Pilehan Instrumental. **PETANG :** 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; 6.15 Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Bengkel Radio; 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.20 Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Poli Diraja (SU); 9.00 — Rampai Sari Hiboran; 9.30 — Antarabangsa (D... Ann); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 ... Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11... — Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI** 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampai T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampai Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu d... Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaram... **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu di-tam... kan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 ... Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 ... Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkadd... Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahya... Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Penyanyi Har... pan; 7.30 — Tunas Pendidek, Azan Isha; 8... — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melay... Dusun, Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00— P... tanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Mu... Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Wa... Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bach... Al-Koran—Doa Restu; 10.30 — Siaran Mela... di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah Selam... kan Sultan dan Negara; 6... — Sinaran Wahyu; 6.30 ... Dendang Suria; 7.00—Tan... Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8... — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permint... Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu d... Warta Berita; 10.15 — Rampaian Lond... 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Hibor... 11.30 — Salam Mesra. **T/HARI :** 12.0... Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.4... Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.0... Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampa... Salam. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melay... tamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.3... Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.4... Hiboran Petang; 6.00 — Mukkaddam, B... kisan Hari Ini, Menunaikan Sembahy... Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Ruangan Ke... (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), A... Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berit... Melayu. Dusun, Iban; 8.30 — Penchara... (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.3... Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Wa... dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hida... Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 1... — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. **NOON :** 12.00 —Hits In Germany. **PM :** 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — It's All Yours by Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.5G — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. **NOON :** 12.00 — My Music; 12.30 — News; 12.45 — Music from the Movies with Viviyanti Ali; 1.15 — James Last And His Orchestra (Side 2); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Sixty Minutes Theatre : "Mr Luby's Fear of Heaven" by John Mortimer; 9.00 — Mood Music for Listening and Relaxation; 9.15 — News; 9.30 — Vibrates In The Memroy by David Temple; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Pepy's In Love by Barry Carman; 11.45 — Light Music from the Netherlands. **NOON :** Radioscope by Charan Chand. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — From Rag To Rock; 1.15 — Churchill's Wartime broadcasts: Programme 1 "Their Finest Hour"; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Calling On You by Tajul Ahmad; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30 — The Pickwick Papers; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Many A Slip; 11.30 — International Call. **NOON :** 12.00 — Sweet And Stylish. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.15 — BBC World Report; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club: Turtle Dairy by Russell Hoban; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Women's World by Charan Chand. **NOON :** 12.00 — Top of the Pops (repeat). **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Animal, Vegetable or Mineral; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Music from the Movies with Viviyanti Ali (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45—The Young Sound by T... Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Nig... Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Dow...

## MONDAY

AM : 6.58 — Openi... Announcement; 7.00 ... World News (BBC... Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musi... Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS R... lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Openi... Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 ... Music-Go-Round. **NOON :** 12.00—I am So... I'll read that again. **PM :** 12.30—News; 12... — Science Potpourri produced by Char... Chand; 1.15— Interlude of Music; 1... Close Down. 8.00 — Opening Announceme... — The Bee Gees Story — Part 4(b) "T... Bee Gees Fevers" Side 2 of 2 (re... peat); 8.45—Monday's Night Mail by Veroni... Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World ... Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Openi... Announcement; 7.00 ... World News (BBCW... Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Music... Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS R... lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Openi... Announcement — BBC Sports Magazine; 11... — Housewives Special; 11.45 — Just A Minut... **NOON :** 12.15 — Shape of the Future by Vi... yanti Ali. **PM :** 12.30 — News; 12.45—Stric... Instrumental; 1.00 — The Bee Gees Story Pa... 5(a) "A Year In The Life" Side 1 of 2; 1... — Close Down. 8.00—Opening Announceme... — Stereo Pop Special "B.B. King Side 1 ... 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Yo... World; 9.15 — News; 9.30 — Animal, Veg... able or Mineral (repeat); 10.00 — Close Dow...

## APA PILEHAN AWDA



**MENDAPAT giliran untok memileh lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Dayang Norlah bte Shamsuddin, No. 121, Kampong Delima Satu, Jalan Berakas, Brunei.**

**Dayang Norlah akan memileh tujoh buah lagu kegemaran-nya, yang akan kaudara pada hari Ahad 25hb Mei, jam 9.30 pagi.**

# Rumah2 pangsa untok pegawai2 rendah Kerajaan





PEMBENAAN rumah2 bagi pegawai2 kerajaan ada-lah merupakan sabahagian daripada beberapa projek2 yang terkandong di-dalam Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun.

Gambar2 atas menunjokkan projek pembenaan ka-atas beberapa blok rumah pangsa bagi pegawai2 rendah kerajaan yang terletak di-satu kawasan berdekatan dengan bekas Lapangan Terbang Lama Berakas di-Bandar Seri Begawan. Saparoh daripada kerja2 pembenaan tersebut telah pun selesai di-jalankan.

Projek tersebut mengandongi empat buah blok rumah pangsa kelas 'E' dan 30 buah blok kelas 'F' yang mana masing2 menelan belanja berjumlah $2.5 juta dan $12.3 juta.

Kerja2 ka-atas projek tersebut ada-lah di-bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya Brunei dan ada-lah di-jangka selesai di-akhri tahun ini.

Apabila siap nanti, pada keselurohan-nya rumah2 pangsa tersebut akan dapat menyediakan 228 tempat tinggal bagi pegawai2 rendah.

## Pelawat2 tinjau kegiatan AMDB



PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei sering menerima pelawat2 terutama-nya penuntut2 sekolah. Lawatan2 itu di-anjorkan oleh pasokan itu dengan kerjasama Jabatan Pelajaran bagi meninjau kegiatan2 yang di-jalankan di-samping menarek minat penuntut2 itu untok memasoki dalam bidang ketenteraan.

Pada 25hb April yang lalu, pasokan itu menerima pelawat dari Maktab SOAS (Senior) saperti kelihatan dalam gambar bawah ketika penuntut2 itu menyaksikan latehan menembak meriam katak.

Di-samping menerima pelawat2 dari dalam negeri, AMDB juga menerima pelawat2 dari luar negeri. Gambar kiri, kelihatan Mejar Jeneral Sir Roy Redgrave, KBE, MC Commander British Forces Hong Kong memereksa barisan Quarter Guards semasa lawatan beliau pada 30hb April yang lalu.





AMBAR atas kelihatan Pemerentah Pasokan, Brigadier E. D. Cameron menyampaikan ingat2 Kerja Lama dan Perangai Baik kapada anggota pasokan AMDB pada 1hb Mei yang lu.

## Perjumpaan oleh2 kursus

KAMPONG LUMAPAS. — Satu perjumpaan antara pendudok2 Kampong Lumapas A dan B dengan Ketua2 Kampong akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Lumapas pada hari Jumaat 23hb Mei, sa-lepas sembahyang Jumaat.

Tujuan di-adakan perjumpaan itu ia-lah bagi menerangkan oleh2 dari Kursus Sivik yang telah di-adakan baru2 ini.

Pendudok2 di-kedua2 buah kampong itu ada-lah di-persilakan hadhir pada hari dan masa yang di-tetapkan itu.

## Pemuda2 di-pelawa berkhidmat dengan Pasokan Pulis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei mengehendaki beberapa orang pemuda untok berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai rekrut.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan salama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara awal bulan Julai depan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Dipertuan Negeri Brunei samada bujang atau pun sudah beristeri. Mereka mesti-lah berumor di-antara 18 dan 28 tahun, berukoran lima kaki, dua inchi tinggi dan berbadan sehat. Kelayakan minima untok di-terima sa-bagai rekrut ia-lah lulus Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan sa-bagai rekrut ia-lah sa-banyak $425.00 sa-bulan dan di-tambah $100.00 sa-bagai alaon. Sa-telah berjaya menamatkan latehan gaji pokok dan alaon di-naikkan kapada $525.00 sa-bulan.

Pemuda2 yang berhajat untok berkhidmat dengan pasokan itu hendak-lah datang untok di-temuduga ka-tempat2 dan tarikh2 saperti di-bawah ini :

**Balai Pulis Bandar Seri Begawan** pada hari Isnin 26hb dan 27hb Mei dan ber-ada sekali lagi pada 3hb Jun dan 4hb Jun. Temuduga akan di-jalankan mulai pukol 8.00 pagi dan 2.00 petang.

**Di-Balai Pulis Tutong** pada hari Rabu 28hb Mei mulai jam 8.00 pagi dan di-**Balai Pulis Lamunin** pada hari yang sama mulai jam 2.00 petang.

**Di-Balai Pulis Kuala Belait** pada hari Khamis 29hb Mei jam 8.00 pagi dan pada hari yang sama di-**Balai Pulis Seria** mulai jam 2.00 petang.

Rombongan pengambilan itu akan berada di-**Balai Pulis Bangar** pada hari Isnin 2hb Jun. Mereka akan menemuduga pemohon2 mulai jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

## Mashuarat agong Perkasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba (PERKASA) di-Kampong Ayer akan mengadakan mashuarat agong-nya kali yang ke-12 bertempat di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Saleha pada hari Sabtu 31hb Mei mulai jam 8.00 pagi.

Mashuarat tersebut di-jangka akan di-rasmikan oleh Awang Haji Abdul Latif bin Mohammad, Penasehat Persatuan Perkasa.

Oleh yang demikian setia usaha persatuan tersebut meminta semua ahli2 persatuan tersebut supaya akan dapat datang demi untok melichinkan lagi permashuaratan pada hari itu sabelum 8.00 pagi.



YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein menyampaikan hadiah kapada Awang Takong bin Salleh dari persatuan Perkasa.

# KERAJAAN SENTIASA MENGGALAKKAN RAAYAT BERGIAT DALAM BIDANG SOKAN




BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menegaskan bahawa kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa menggalakan dan memberikan peluang2 kapada raayat di-negeri ini untok bergiat dalam bidang sokan dan olahraga.

Kerajaan juga, kata-nya, sentiasa berusaha memberikan kemudahan2 dan peralatan sokan yang di-fikirkan sesuai bukan sahaja untok kesihatan tuboh badan malahan juga untok meninggikan mutu sokan dan olahraga di-negeri ini supaya sa-tanding dengan negara2 lain dalam arena sokan antarabangsa.

Beruchap sa-jurus sa-belum menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir pertandingan sepak takraw yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini malam Isnin yang lalu Yang Berhormat menambah kata bahawa kemudahan2 sokan yang di-sediakan oleh kerajaan ada-lah menyeluroh ia-itu termasok-lah kemudahan2 untok meninggikan mutu permainan sepak takraw.

Yang Berhormat juga menyeru pemain2 sepak takraw tempatan supaya akan sentiasa berlateh dengan gigih dan berusaha pada meninggikan taraf permainan samada dengan menimba pengalaman2 dari orang yang mahir dalam bidang sepak takraw atau mengadakan perlawanan persahabatan dengan negara2 jiran.

Ini tambah Yang Berhormat itu lagi, memandangkan yang Negeri Brunei melalui Persatuan Sepak Takraw akan menghantar wakil-nya ka-pertandingan sepak takraw tiga wilayah yang akan di-adakan di-Sarawak pada akhir tahun ini dan Sukan Asia Tenggara yang akan di-adakan di-Manila dalam tahun 1981.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain juga berharap kapada Persatuan Sepak Takraw tempatan (PESTA BARU) supaya akan berusaha dengan tidak kendur2-nya pada menchari dan menunjolkan bakat2 baru untok menggantikan pemain2 lama.

"Kita sedia tahu bahawa pemain2 lama kita yang sudah lama berkechimpong di-arena sepak takraw satu masa nanti tentu akan mengundorkan diri dari arena tersebut. Jadi untok menjamin sepak takraw maju di-negeri ini, dari sekarang kita patut mengasoh dan membimbing serta menchari bakat2 baru terutama sekali di-kalangan belia2 yang berada di-bangku sekolah", jelas Yang Berhormat itu lagi.

Terdahulu dalam uchapan-nya Yang Berhormat Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan itu telah menguchapkan tahniah kapada pasokan2 yang berjaya dalam kejohanan itu dan kapada pasokan2 yang tidak berjaya Yang Berhormat berharap supaya akan dapat berlateh bersunggoh-sunggoh pada menjamin kedudokan mereka di-musim2 akan datang.

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah Penolong Penyusun Bahagian Pendidekan Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Awang Muhammad Ismail yang juga selaku Pengerusi Pertandingan sepak takraw tahun 1980.



PERMAINAN sepak takraw tidak kurang hebat-nya terut ketika hendak mematikan bola lawan saperti yang keliha di-gambar atas.

## Brunei sertai perlawanan b-sepak sekolah2 Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menghantar satu pasokan bolasepak bagi menyertai Pertandingan Bolasepak Antarabangsa Asia bagi penuntut2 sekolah yang berumor 18 tahun kebawah yang akan di-adakan di-Bangkok mulai 14hb Jun depan.

Sa-bagai persediaan untok perlawanan itu bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran telah pun memileh sa-ramai 17 orang pemain yang terdiri dari penuntut2 sekolah2 menengah dan maktab2 di-seluroh negeri untok mengikuti latehan pusat yang bermula sejak hari Isnin 12hb Mei lalu.

Latehan2 tersebut di-adakan di-ibu negeri di-bawah latehan empat orang jurulateh yang di-ketuai oleh Awang Embran bin Maji Hassan. Sementara Awang Muhammad bin Ismail dan Awang Duncan McDowell selaku penasehat latehan.

Pasokan Brunei itu ada-lah di-bawah awasan badan penyelaras yang terdiri dari Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani dan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.

Sa-orang juruchakap dari Bahagian Pendidekan Jasmani berkata bahawa di-samping mengadakan latehan2, pasokan Brunei itu juga akan mengadakan perlawanan2 persahabatan dengan pasokan2 tempatan dan pasokan dari Sabah.

Kejohanan bolesepak kali yang ke-sembilan itu di-jangka akan di-sertai oleh sa-banyak 14 buah negara Asia. Dan penyertaan kali ini ada-lah merupakan kali yang ke-tujoh.

Dalam perlawanan yang di-adakan di-Acra India, tahun lalu pasokan Brunei berjaya mendudoki tempat yang ke-tujoh daripada 10 buah negara yang mengambil bahagian.

Pasokan Brunei di-jangka akan bertolak ka-Bangkok pada hari Rabu 11hb Jun. Dan perlawanan tersebut akan berakhir pada 21hb Jun.

## S.O.A.S. johan badminton bahagian lelaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan akhir badminton antara Sekolah2 Menengah dan Maktab sa-negeri yang telah di-adakan pada hari Khamis 8hb Mei yang lalu.

Dalam kejohanan perengkat akhir itu Pasokan Maktab SOAS telah mengalahkan Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong dengan lima perlawanan berbalas empat.

Sementara dalam bahagian wanita pula Pusat Tingkatan Enam, Gadong telah berjaya menjadi johan sa-telah menewaskan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah.

Kejohanan tersebut telah di-anjorkan oleh Kelab Badminton Maktab SOAS buat kali yang ke-14. Dan lebeh daripada 10 buah sekolah2 menengah dan maktab2 telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut. Perlawanan itu di-jalankan sa-chara pukol mati.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei, Awang Hj Mohd Jaafar bin Haji Mohd Daud.

## Brunei seri 1 — 1 dengan Singapura

PASOKAN Brunei telah seri 1-1 dengan pasokan Singapura dalam siri perlawanan Piala Malaysia yang telah di-adakan di-Stadium Negara Singapura pada hari Sabtu lalu.

Gol kemenangan Brunei di-jaringkan oleh Ak Zamani di-minit ke-32 dalam separoh masa pertama.

Pasokan Singapura menyamakan kedudokan dalam separoh masa kedua hasil tendangan penalti yang di-buat oleh Lim Tang Boon.

Dalam siri perlawanan Piala Malaysia tahun lalu, Singapura mengalahkan Brunei 4-0.

## PERKASA johan sepak takraw

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Perkasa dari Kampong Saba telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan sepak takraw sa-telah menewaskan Persatuan Kubu dari Kampong Ujong Bukit. Perlawanan tersebut di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Ahad 11hb Mach yang lalu.

Tempat ketiga telah di-menangi oleh Kelab Intan juga dari Kampong Saba sa-telah berjaya menewaskan Pasokan Gabongan Persatuan Belia PAPP dan Kota Rangers.

Pertandingan yang di-anjorkan oleh Persatuan Sepak Takraw Brunei (PESTA BARU) itu ada-lah babi merebut Oskar yang di-hadiahkan oleh Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Yusof.

Sa-banyak lapan pasokan telah mengambil bahagian di-kejohanan itu di-m pusingan awal telah di lankan pada bulan M yang lalu. Pasokan2 y mengambil bahagian itu lah Perkasa; Kubu; Pa ka Rangers; Kota Batu; lab Intan; Ujong Tanjo Kota Rangers dan PA serta Jabatan Kerja Ra

Hadiah2 telah di-samp kan oleh Pengarah Keb kan, Belia dan Sokan, Y Berhormat Pehin Jawa Luar Pekerma Raja D Setia Awang Haji Hussa



BERGAMBAR ramai sa-telah penyampaian hadiah2 ia-lah pemain2 dari persatuan Perka dan Kubu yang telah menyandang johan dan naib-johan tahun ini.

## PBTKNB anjorkan kejohanan bola tampar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bolatampar Kebangsaan Negeri Brunei (PBTKNB) akan menganjorkan perlawanan bolatampar terbuka sa-negeri kali yang kedua yang akan di-mulakan pada awal bulan Jun depan.

Perlawanan tersebut ada-lah terbuka kapada jabatan2 kerajaan; sekolah2 menengah dan maktab2; persatuan2 belia; kelab2; firma2 dan sharikat2 serta badan2 sokan di-seluroh negeri.

Kapada mereka yang ingin memasoki perlawanan itu boleh mendapatkan borang2 dari Pengerusi perlawanan, Awang Zaini bin Maidin, di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Bandar Seri Begawan. Borang2 tersebut juga boleh di-dapati dari semua balai2 bomba di-seluroh negeri.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari hari Jumaat 30hb Mei 1980 jam 4.30 petang.

Sa-orang juruchakap dari persatuan itu menyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini di-samping mengadakan perlawanan itu sa-bagai projek tahunan ia-nya juga bertujuan untok memileh pemain2 yang berkelibar untok di-jadikan sa-bagai 'pemain Kebangsaan Brunei'.

## Liga bolasepak belia antara Daerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan Liga Bolasepak Belia antara daerah2 akan di-langsongkan di-Padang Besar di-sini pada hari Jumaat 23hb Mei ini mulai jam 4.15 petang.

Perlawanan kali yang kedua itu di-jangka akan di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Bolasepak Amatur Brunei (BAFA) dan di-taja oleh Sharikat Minyak Sh yang juga menyumbangk piala rebutan.

Dalam perlawanan pembuk an itu, pasokan Temburong akan bertemu dengan Pasok Tutong A. Pada tahun l Pasokan Brunei B telah m chol sa-bagai johan.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of the following Rattan Furniture to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp.

| No. | Items | Qty |
|---|---|---|
| a. | Table Occasional Cane Large | 21 |
| b. | Table Wood With Glass Top | 6 |
| c. | Settee Rattan Cane without Cushion | 24 |

2. The tender should state price. Enquires on specification can be made to DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment Berakas Garrison.

3. Tender will be received by the Chairman Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 4.00 p.m. Saturday 31st May 1980.

4. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF RATTAN FURNITURE TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT".

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JAWATAN2 KOSONG BERGAJI HARI DI-JABATAN2 KERAJAAN DAN DI-SEKTOR SWASTA BERGAJI BULAN

JABATAN KERAJAAN BERGAJI HARI

Majikan :

PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Jawatan :

a) PEMANDU TRUCK (5 kekosongan)

b) OPERATOR — PEMANDU WHEEL LOADER/ GRADER (4 kekosongan)

c) PEMANDU FORDSON (3 kekosongan)

Kelayakan2 dan tugas bagi memenohi jawatan2 (a), (b) dan (c) :

i) Berumor 21 tahun hingga 50 tahun

ii) Bagi Jawatan (a) mempunyai lesen memandu kelas III dan V

iii) Bagi Jawatan (b) dan (c) mempunyai lesen memandu kelas XI (sa-belas)

iv) Memandu kenderaan Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan membaiki Jalan2 Kechil di-kawasan Daerah Brunei dan Muara.

v) Gaji terta'alok kapada pengalaman dan serendah2 dalam Sukatan Gaji — Rate 'D' $13.10-$14.90 sa-hari.

d) TUKANG KAYU (24 kekosongan)

Kelayakan dan tugas2 bagi memenohi jawatan sa-bagai Tukang Kayu :

i) Berumor 19 tahun hingga 50 tahun

ii) Mempunyai kebolehan dalam hal ehwal Tukang Kayu

iii) Bertugas membaiki/membuat jambatan2 atau bangunan2

iv) Gaji terta'alok kapada pengalaman — dalam Sukatan Gaji — Rate 'D' $13.10-$14.90 sa-hari

v) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal di-kawasan Kampong Ayer.

B. Majikan : PEJABAT PELAJARAN, BRUNEI

Jawatan :

a) BUROH — Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Brunei.

b) BUROH — Pusat Latehan Teknikal, Brunei.

c) BUROH dan WATCHMAN — Sekolah Melayu Menglait, Gadong, Brunei.

C. Majikan :

JABATAN LEMBAGA BANDARAN, BRUNEI

Jawatan : BUROH KASAR (30 kekosongan)
PEMANDU Kelas V (6 kekosongan)

D. Majikan : PEJABAT TALIKOM, BRUNEI

Jawatan : PEMANDU Kelas 3/5

E. Majikan : JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

Jawatan : Buroh Jalan Kechil Bahagian Daerah Brunei dan Muara

Tukang Kayu Bahagian Saloran Najis — (2 kekosongan)

G. PRIVATE SEKTOR SWASTA

Majikan : TOBISHIMA CORPORATION
Rm. 46, Hongkong Bank Chambers, BSB, Brunei.

Jawatan : PEMANDU/MEMBUAT KERJA AM PEJABAT

Sharat2-nya

a) Mempunyai lesen memandu kelas 3
b) Lulus pepereksaan BJCE aliran English.

Majikan : MAMASURYA RESTAURANT
E2, Haji Md Yusof PJD & sons Flat
Jalan Gadong, Brunei.

Jawatan : a) PELAYAN
b) TUKANG MASAK

Kedua2 jawatan ini mempunyai 4 kekosongan bagi lelaki dan perempuan.

Majikan : RESTAURANT CHAYA BARU
Batu 1, Seri Complex,
Jalan Tutong, Brunei.

Jawatan : PELAYAN (2 kekosongan)

Majikan : SHARIKAT GAYA

Jawatan : PEMANDU

Majikan : FIRST METRO

Jawatan : PEMANDU

Kapada pemohon2 yang ingin untok memenohi jawatan2 yang tersebut di-atas ada-lah di-pelawa hadhir ka-Pejabat Buroh, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan sa-berapa segera dengan membawa bersama2 mereka Kad Kenalan, Surat2 Pengakuan kebolehan untok rujokan.

## B.S.P. Tender Notice No. 5/80

Item 1. 62 items Parts for : —

(a) Oilwell pump types TP, TLE, PWB, RWA and RWB (35 items).

(b) Baker Model M snap set packers, safety joint/connections and multi-V type tubing seal nipples (9 items).

(c) Lynes Model RTS 7 in. and inflata plug and disconnect couplings (10 items).

(d) Otis flow coupling seal lock (3 items).

(e) Le Grand polished rod and stuffing boxes (4 items).

(f) Howco Cement Heads Gaskets (1 item).

Item 2. (a) **31 pcs. Rock Bits : —**

| | | |
|---|---|---|
| Hughes X 55-RJ | 8½" | (3 pcs) |
| Reed FLT-J 7 FP-52J | 8½" | (2 pcs) |
| Reed Y13-J & S13-G | 12¼" | (4 pcs) |
| Smith BHDJ | 12¼" | (1 pce) |
| SMF EM2-J | 12¼" | (9 pcs) |
| SMF EM2K-J | 12¼" | (9 pcs) |
| SMF TS2 | 22 " | (2 pcs) |
| SMF ES3K-J | 12¼" | (1 pce) |

(b) Approx. 120 pcs. nozzel bushings, nozzles complete and nozzle wrench.

Item 3. (a) 2 items Parts for ARKLA gas fired water chiller/heaters Model DF1800 and DFE1800.

(b) 12 items Parts for TRANE Aircooled cold generators Model No. CGAC85B.

Item 4. Approx 78 joints Rejected Concrete Coated Linepipes of 40' long.

Sizes : 32" x 21 jts.
28" x 29 jts.
19" x 17 jts.
10" x 11 jts.

Item 5. 1 Pcs. Platform Structure 6' x 13' x 20' including 2 joints 4" x 30' pipe, 1 pce. step ladder with side rails 2½' x 15' and 1 pce. semi-cylindrical pipe 23" x + 20'.

1 Pce. Platform on skid 4' x 1½" x 20'.
1 Pce. Mast.
1 Pce. Mobile hovercraft lift frame.

Item 6. Approx. 60 pcs. Metal cable drums.

Item 7. 29 Pcs. 15" x + 20' Rejected tubulars plus 4 short pieces.

Item 8. Approx. 98 joints 2⅞" Rejected tubings of + 30 feet long.

Item. 9. Approx. 150 joints 7" rejected casings of 35'/40' long.

Item 10. 1000 joints 3½" rejected tubings of + 30' long.

Item 11. Approx. 52 joints 28" rejected concrete coated linepipes of 40' long including 1 joint x 32".

Item 12. Approx. 31 joints 28" rejected concrete coated linepipes of 40' long including 17 joints x 20".

Item 13. Approx. 270 joints 8" to 12" rejected concrete coated linepipes of + 20' long.

Item 14. Approx. 31 pcs. rejected tubulars and 1 beam.

| Sizes : | |
|---|---|
| 13" x + 40' | (13 pcs) |
| 41/30" x + 15' | (1 pce each) |
| 25" x + 30' | (5 pcs) |
| 20" x + 15' | (4 pcs) |
| 18" x + 30' | (2 pcs) |
| 36" x 16" x 40' | (1 pce) |
| 24" x 9" x 40' | (4 pcs) |

Item 15. Approx. 155 pcs. rejected tubulars and concrete coated linepipes.

Sizes : Ranging from 20" to 40" x 10' to 40 tubular (10 pcs)

| | |
|---|---|
| 18" x + 25' tubular | (4 pcs) |
| 12" x + 20' tubular | (20 pcs) |
| 10" x + 20' tubular | (11 pcs) |
| 3" to 9" of assorted lengths pipe | (90 pcs) |
| 6" to 30' concrete coated L/pipe | (20 pcs) |

Item 16. 20 joints 7" x 26' Wire wrapped screens.
9 joints 7" x 9' Wire wrapped screens.
7 joints 7" x 5' Wire wrapped screens.

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of 14 days from the closing date.
2. The items to be sold are sold on an 'as is', 'where is' basis and the successful tenderer must : —
   a) Pay for the goods before removing them,
   b) Remove them entirely at his own expense, and
   c) Remove them within 14 days from the acceptance of his tender, otherwise the Company may elect to treat the tender as void.
3. The Company further reserves the right : —
   d) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   e) To withdraw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.
4. The Company accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the Company before release of goods.
5. The items to be sold may be viewed on any working day on application to : — Supplies Department/Disposal Section, B.S.P. Co. Ltd., Seria. (SSU/03).
6. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 2nd June, 1980. Tenders should be addressed in sealed envelopes to : —

   The Supplies Superintendent — SSU
   B.S.P. Co. Ltd.,
   Seria, State of Brunei,
   Endorsed : "Tender Notice No. 5/80"
7. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderers of all the terms of tendering set out herein.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of hte State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on 10th June, 1980 for the supply of the following:—

a) **One unit 175 HP Outboard motor complete with fuel tank, hose, and control box assembly.**

b) **One unit 115 HP Outboard motor complete with fuel tank, hose and control box assembly.**

2. Approximate date of delivery must be stated, but not later than 3 months.

3. Tender must be placed in sealed envelopes, there must be no indication on the cover of the name of the tenderer. The cover must be addressed to :

The Chairman,
Tender Board,
c/o State Financial Officer,
Government Offices,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

and clearly marked:

TEMBURONG DISTRICT OFFICE — SUPPLY OF OUTBOARD MOTORS.

4. Any tender received in envelopes not properly addressed will be rejected.

5. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## VEHICLE MECHANICS COURSE

**EDUCATION DEPARTMENT BRUNEI**
**TECHNICAL EDUCATION**

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan for enrolment in the following full-time course which will commence in August 1980.

**Vehicle Mechanics Course**

Duration : 1 year.

Subjects studied : Motor Vehicle Technology, Motor Vehicle Workshop Practice.

Minimum entrance requirements : Completion of Form 3.

Selection of students will be by test and interview. Applications are obtainable from the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara, P. O. Box 914, Bandar Seri Begawan, Brunei.

All applications should be submitted to the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei by Thursday 29th May 1980.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR PASSENGER LIFT INSTALLATION FOR PROPOSED EDUCATION / WELFARE, Y & S / AUDIT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Specialist Contractors and Local Representative of International Manufacturers up to 12.00 noon, 24th June 1980.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PASSENGER LIFT INSTALLATION FOR PROPOSED EDUCATION / WELFARE, Y & S / AUDIT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 26th May 1980 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or Specialist Contractor or Local Representative of an International Manufacturer.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi : —

1) **KATEGORI 9 dan 32 —**
**TAWARAN No. EPS/069-80**
Memberseh dan membaiki 2 tangki Dagangan Keluar dan 4 tangki persinggahan di-Seria Terminal.

2) **KATEGORI 1 —**
Pembenaan Flats Pegawai SSS yang berkelamin di-F19, Seria.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for :

1) **CAT. 9 & 32 —**
**TENDER No. EPS/069-80**
Cleaning and repair of 2 export tanks and 4 transit tanks at the Seria terminal

2) **CAT. 1 —**
**TENDER No. EPS/073-80.**
Construction of SSS/M Flats at F19, Seria.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN LAUT, BANDAR SERI BEGAWAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

1. TUKANG KAYU TINGKAT II

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 22 tahun dengan mempunyai pengalaman praktikal salama lima tahun sa-bagai Tukang Kayu Perahu.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau pun yang sebanding dengan-nya, tetapi kelulusan yang rendah akan di-terima bagi pegawai2 yang lebeh tua dalam perkhidmatan Kerajaan.

c) Pemohon2 mesti-lah boleh :—
   i) Menyediakan lukisan2 kerja bagi membuat dan membaiki perahu motor sangkut, kerosakan2 temuai dan kapal2 penumpang kechil yang pechah.
   ii) Menyediakan anggaran bagi kayu, bahan2 dan alat2 yang diperlukan di-atas.

d) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai jenis2 kayu, alat2 dan benda2 untok ikat mengikat yang bukan di-buat dari besi yang digunakan dalam membena kapal2 kechil dan perahu2 bagi di-gunakan di-perayeran Brunei.

e) Pemohon2 hendak-lah chekap dalam menjalankan dan menggunakan perkakas2 berkuasa letrik.

f) Chalon2 akan di-berikan ujian pertukangan untok menilai kebolehan sa-bagai sa-orang Tukang Kayu Perahu.

g) Chalon yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas di-mana2 bahagian di-negeri ini.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

2. FITAR TINGKAT II.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman praktikal bekerja sa-bagai fitar mekanik atau fitar kejuruteraan laut.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan kejuruteraan laut dan chara2 menggunakan-nya.

c) Pemohon2 mesti-lah tahu menggunakan perkakas2 dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-sebuah workshop kejuruteraan.

d) Chalon2 akan di-kehendaki menjalani satu Ujian Pertukangan untok menentukan kechekapan mereka sa-bagai Fitar Kejuruteraan. Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bertugas di-mana saja di-dalam negeri ini.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Jun, 1980.

(E/1824/76)
(Bil : 53/1980)

## Di-Jabatan Bandaran, B.S.B.

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi Jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

1. PENGAWAS TINGKAT II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaarn Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama tidak kurang dari 5 tahun yang mempunyai pengalaman dari segi pengawalan buroh atau pekerja2, terutama-nya sedang berkhidmat sa-bagai Pengawas di-satu2 chawangan Jabatan Kerajaan akan di-pertimbangkan.

c) Chalon2 yang mempunyai pengalaman di-segi pengawasan kesihatan Lembaga Bandaran akan menjadi kelebehan.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 —$625-657-689-720-752 - 784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007.

2. PEMANDU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai Sijil Memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh memperbaiki kerosakan kechil.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Jun, 1980.

(E/596/72)
(Bil : 40/1980)

## Di-dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PEMBANTU TEKNIK : (di-Jabatan Majlis2 Mashuarat Negara).

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 35 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai sa-suatu kelulusan teknikal dan pengalaman yang berkenaan.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMANDU KENDERAAN TINGKATAN I : (di-Jabatan Pelabohan2).

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas V yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu.

b) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya mempunyai 5 tahun pengalaman memandu dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

c) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu. Mereka mesti-lah bersedia untok menjalankan tugas sachara bergilir2 apabila di-kehendaki.

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal di-kawasan Muara.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427 - 440/ EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 1hb Jun, 1980.

(E/569/78)
(Bil : 48/1980)

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. Saturday 24th May 1980.
2. The contract is for a period of 2 years from the date of signing the contract.
3. Tenders must be placed in a plain envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope must be endorsed "ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BOOT/SHOE AND EQUIPMENT REPAIR CONTRACT".
4. Tender form and special conditions for the contract may be obtained from DAQMG 2, Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, during normal working hours.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

## Sa-bagai Pembantu Teknik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Teknik di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

A. PEMBANTU TEKNIK (KEJURUTERAAN AWAM DAN BANGUNAN) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Final Certificate dalam mata-pelajaran2 yang sesuai atau mempunyai kelayakan2 yang sebanding daripada maktab teknikal yang di-iktiraf.

c) Mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal dalam kerja2 memesan, menyelia, mengukor dan pemeliharaan Bangunan dan Jalan-raya dan Perkhidmatan yang berkaitan.

B. PEMBANTU TEKNIK (LETRIK DAN JENTERA) :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Final Certificate dalam Kejuruteraan Letrik atau Jentera atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dari sa-sebuah maktab teknikal yang di-iktiraf; atau

c) Mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebeh daripada lapangan2 yang berikut :— Kerja2 Pemasangan Letrik; Pemeliharaan Letrik; Kejuruteraan Jentera; Rekaan dan Pemeliharaan Pendingin hawa; Pemeliharaan Peti Ais; "gas and compressed air system."

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapa[illegible] pada Jabatan Perjawata[illegible] nei dan hendak-lah di-k[illegible] kan bersama2 dengan [illegible] surat2 akuan dan sijil[illegible] lewat dari 21hb Jun, 19[illegible]

(E/1424/76)
(Bil : 52/1980)

### TENDER NOTICE

EXECUTION AND COMPLETION OF CONCRETE RAMP AND SHORE PROTECTION FOR OTHER RANKS CLUB AT BERAKAS CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from PWD registered Class 'AX' and above Contractors for the above works up to 12.00 noon, 27th May 1980 (Tuesday).
2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "EXECUTION AND COMPLETION OF CONCRETE RAMP AND SHORE PROTECTION FOR OTHER RANKS CLUB AT BERAKAS CAMP".
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 15th May 1980 during normal office hours.
5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five hundred only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' office.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Tukang Lukis

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat DYMM Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tukang Lukis di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 25 tahun lulus Darjah V Melayu dan Tingkatan 1 Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja dengan Pejabat Lukis Senibena atau Kejuruteraan.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Jun, 1980.

(E/31/62)
(Bil : 49/1980)

## J.K.R.

## PEMBERITAHUA[illegible] TAWARAN

### SERIAL No. KB 10/1[illegible]

TAWARAN2 akan [illegible] oleh Lembaga Tawara[illegible] daripada Kontrektor [illegible] sahaja dan ka-atas [illegible] daftar dengan Jabata[illegible] Raya, Brunei sa-hing[illegible] 12.00 tengah hari [illegible] Jun, 1980 bagi:—

FENCING RADIO [illegible] TELEVISION BRU[illegible] KUALA BELAIT RA[illegible] STUDIO CENTRE

Surat2 keterangan [illegible] tir2 lain boleh di-lihat [illegible] dapati di-Jabatan Kerja [illegible] Kuala Belait

### SERIAL No. KB 10/1[illegible]

TENDERS will be [illegible] from Class B only an[illegible] Brunei Registered C[illegible] by Tenders Board, Br[illegible] to 12.00 noon on 3rd [illegible] 1980 for :—

FENCING RADIO A[illegible] TELEVISION BRU[illegible] KUALA BELAIT RAD[illegible] STUDIO CENTRE

Tender documents a[illegible] particulars may be seen [illegible] office of Public Works D[illegible] ment, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 11/1[illegible]

TAWARAN2 akan di-[illegible] oleh Lembaga Tawaran, B[illegible] daripada Kontrektor2 [illegible] B sahaja dan ka-atas [illegible] berdaftar dengan J[illegible] Kerja Raya, Brunei sa-[illegible] jam 12.00 tengah hari [illegible] 3hb Jun, 1980 bagi:—

EXTENSION TO ST[illegible] AND OTHER IMPR[illegible] MENT AT WORKS[illegible] COMPOUND, KU[illegible] BELAIT.

Surat2 keterangan ser[illegible] tir2 lain boleh di-lihat d[illegible] dapati di-Jabatan Kerja [illegible] Kuala Belait.

### SERIAL No. KB 11/1[illegible]

TENDERS will be re[illegible] from Class B only and [illegible] Brunei Registered Contr[illegible] by Tenders Board, Bru[illegible] to 12.00 noon on 3rd [illegible] 1980 for :—

EXTENSION TO ST[illegible] AND OTHER IMPR[illegible] MENT AT WORKS[illegible] COMPOUND, KU[illegible] BELAIT.

Tender documents a[illegible] particulars may be seen [illegible] office of Public Works D[illegible] ment, Kuala Belait.

### TENDER NOTICE

1) TENDERS will be received from registered Class 'B' and above PWD Brunei registered contractors, by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Office, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Tuesday 10th June 1980 for :—

THE SUPPLY AND INSTALLATION OF FIXED FURNITURE AND FITTINGS TO THE GOVERNMENT OFFICE AT TUTONG.

2) Tender documents may be obtained from the office of :—
Rekabina Perunding, (Chartered Architects) 310 Shophouse Complex, (1st Floor) Mile 1½, Jalan Tu[illegible] Bandar Seri Begawa[illegible] Brunei
from 21st May 1980 [illegible] normal office hours.

3) The tender deposit [illegible] $500.00 made in favour [illegible] Government of Brun[illegible] refundable only to each [illegible] cessful tenderer upon [illegible] ceipt of a bona fide tend[illegible] on the return of all ten[illegible] cuments in good conditi[illegible]

4) Tenders must be pl[illegible] the envelope provided an[illegible] not bear any indicatio[illegible] name of the tenderer.

5) Tenders received af[illegible] above stipulated closin[illegible] will be rejected.

6) The Government of [illegible] does not bind itself to [illegible] the lowest or any tende[illegible]

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENOLONG PEGAWAI PEPEREKSAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat DYMM Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pegawai Pepereksaan di-Pejabat Lembaga Pepereksaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan sekurang2-nya 4 mata-pelajaran Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge/London G.C.E. Perengkat Biasa dalam sekali dudok pepereksaan tersebut dan mendapat pangkat lulus dalam mata-pelajaran Bahasa Inggeris dan Melayu atau telah mendapat Sijil Penoh Cambridge School Certificate/Malaysian Certificate of Education (M.C.E. aliran Inggeris) dan mendapat pangkat lulus dalam Bahasa Inggeris. Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan.

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 urusan pepereksaan awam dan lain2 pepereksaan (sebutkan butir2 pengalaman dan kelamaan) atau telah mempunyai pengalaman dalam urusan mentadbir sekolah.

c) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang boleh menguasai dua bahasa ia-itu Melayu dan Inggeris; dan/atau mempunyai kelayakan Trengkas dan/atau Menaip Perengkat Tertinggi.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya dikehendaki membantu Pegawai Pepereksaan untok mengelolakan pentadbiran pepereksaan awam yang di-kelolakan oleh badan2 pepereksaan luar negeri (United Kingdom, Singapura dan lain2) termasok urusan surat menyurat dalam bahasa Inggeris dengan badan2 yang tersebut, dan untok mengendalikan Pepereksaan Sijil Perdagangan Brunei.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas pada bila2 masa di-luar waktu pejabat, termasok kerja2 rengan dan berat.

**Tangga Gaji :**

T. 3—$1058-1097-1135-1173-1211 - 1250 - 1301 / EB / 1339 - 1377-1415-1454-1492.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hen-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Jun, 1980.

(E/1366/76)
(Bil : 50/1980)

## Sebagai Tukang Kebun/ Pemberseh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh di-Jabatan Perikanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 dan 45 tahun.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan bertanggong-jawab bagi menjalankan tugas2 berkebun dan memberseh di-halaman Bangunan Peringatan Churchill dan Pejabat2 di-Jabatan Perikanan.

**Am :**

Chalon2 yang berjaya mesti-ah bersedia berkhidmat di-nana2 sahaja di-dalam negeri.

**angga Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb Mei, 1980.

(E/1302/77)
(Bil : 47/1980)

## TENDER NOTICE

. TENDERS will be received y the Chairman of Tenders oard at the office of the State inancial Officer, Ground loor, Secretariat Building, andar Seri Begawan, Brunei rom P.W.D. Registered Class A' Contractor up to 12 noon on Tuesday 24th June 1980 for construction and completion of:

CADET TRAINING ACCOMMODATION TUTONG CAMP, BRUNEI.

. Before the tender documents an be issued, tenderers must how proof that :

.1 They are currently registered with P.W.D. Brunei as lass 'A' Contractors, and who ave complied with Government rcular referenced PWD/HO/ /15-7 dated 3rd March, 1979.

2 Tenderers must produce a ecific Bankers letter, stating at in the event of the applicats Tender being successful, e said bank will provide a ecurity Bond for the duration f the Contract in an amount ot less than $175,000.00 or 10 percent of the submitted tenler whichever is the greater. his document must be subitted to the Architects during e tender period, failure to do so well amount to a rejection of the tender.

3. Tender Documents can be examined at and obtained from the office of the Architects :

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
146 JALAN CHEVALIER
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

from Thursday 29th May 1980 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is $2,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona-fide tender and the return of all tender documents in good condition.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

DEPARTMENT OF EDUCATION
TECHNICAL SECTION

PPLICATIONS are invited om suitably qualified candites for appointment as temrary or part-time teachers nglish Medium) on a daily ted basis. Teachers are reired in the following subts :—

a) ENGLISH LANGUAGE
b) ACCOUNTS AND COMMERCE
c) TYPING AND OFFICE PRACTICE

**erms of Appointment**

The appointment will be for e year in the first instance d thereafter renewable at e year intervals. One month's otice of resignation is required and if the candidate's service is terminated one month's notice will be given.

The Director of Education cannot arrange immigration sponsorship nor provide accommodation.

**Qualification and Salary**

An Honours Degree of a recognised University — $51.50 per day.

An Ordinary Degree of a recognised University — $42.00 per day.

A Teacher's Certificate and four GCE 'O' Level subjects or equivalent — $35.00 per day.

Application forms are obtainable from the Education Department, Technical Section and should be submitted in duplicate to the Organiser of Technical Education.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of Mattress Cover Case Single size 6′3″x2′6″x4″ to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison. Quantity required 800 pieces.
2. The tender should state price and delivery time. Sample can be seen at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.
3. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, by 1200 hrs Saturday 24th May 1980.
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of the followings : —
   a. **Chairs Plastic Stacking Hills Qty 1700**
   b. **Desk Student Qty 150.**
2. The tender should state price and delivery time. Enquiries on specification can be made to DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.
3. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, by 1200 hrs Saturday 24th May 1980.
4. Tenders must be placed in a sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should endorsed: "SUPPLY OF CHAIR PLASTIC STACKING AND DESK STUDENT — ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS CAMP".
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 66 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th May, 1980 for : —

PROVISION OF FLOODLIGHTS AND EMERGENCY LIGHTS AT GADONG, BERAKAS No. 1 AND BERAKAS No. 2 PUMPING STATIONS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 67 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th May, 1980 for : —

CLEANING AND PAINTING EXISTING ELEVATED STEEL WATER TANK AT MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 68 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th May, 1980 for : —

REPAIR AND REPAINTING TO SEKOLAH MENENGAH AT BUNUT, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 69 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th May, 1980 for : —

THE REPAINTING OF SCHOOL BUILDINGS AND QUARTERS AT SEKOLAH MELAYU BOKOK, TEMBURONG

Tender documents and all particular may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 71 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

SUPPLY OF BEACH SAND TO J.K.R. BERAKAS DEPOT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 72 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

THE SUPPLY OF UNTREATED TIMBER TO P.W.D. BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG AND TEMBURONG FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 73 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

THE SUPPLY OF CELCURISED TIMBER TO P.W.D. BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG AND TEMBURONG FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 74 OF 1980

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

CONSTRUCTION OF 8′ WIDE RECTANGULAR R.C. STORM DRAINS AT CLASS E AND F FLATS HOUSING SITE AT OLD AIRPORT ROAD, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 75 OF 9180

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

CONSTRUCTION OF PROPOSED EXTENSION T.B. WARD AT GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 76 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

REPAIR TO CLASS "C" BUNGALOW (No. C10) DAMAGED BY FIRE AT SIX FORM CENTRE, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 77 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

THE SUPPLY AND DELIVERY OF EARTHFILL TO LOW AREAS IN JERUDONG PARK, JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 78 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

CONSTRUCTION OF 2 NOS. REINFORCED CONCRETE BOX CULVERTS AT MILE 4½ JALAN TUTONG, JALAN GADONG LINK ROAD, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 79 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd June, 1980 for : —

LAYING OF 4" A.C. DISTRIBUTION MAIN FOR THE NEW SECURITY GUARD BARRACK AT EDINBURGH, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Contractors (Class B and above) by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon, Tuesday 3rd June 1980 for : —

   RENOVATION AND REFURBISHING TO RADIO STUDIO BLOCK AT TELEVISION BRUNEI BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders will be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderers.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board, and endorsed as follows :

   RENOVATION AND REFURBISHING TO RADIO STUDIO BLOCK AT TELEVISION BRUNEI BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Thursday 22nd May 1980 during normal working hours.
6. The tender deposit will be $500.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**TENDER No. 2/T/KELD/ 1980**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board of the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from the Electrical Department registered Cable Laying Contractor (Class 'B' and above), up to 12.00 noon on 27th May (extended dated) 1980 for the following : —

   ERECTION OF 18 FT. POLES AND LAYING OF CABLES FOR SECURITY LIGHTING AT PANAGA POLICE COMPLEX.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders will be submitted in plain sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer and shall be marked clearly:— "TENDER FOR ERECTION OF 18 FT POLES AND LAYING OF CABLES AT PANAGA POLICE COMPLEX".
4. The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender.
5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.
6. Tender documents can be obtained from the office of the District Electrical Engineer, Electrical Department, Kuala Belait.

# 30 ekar di-sediakan untok lepasan Pusat Latehan Pertanian

Dari muka 1

dalam tahun ini juga dan mengharapkan kapada pehak2 yang berkenaan itu supaya akan dapat bekerjasama dan bertolak ansor dalam memenohi hasrat baik Kerajaan dan juga pendudok2 di-sekitar perkampongan itu.

Sementara itu, di-majlis cheramah oleh2 kursus sivik dari penghulu dan ketua2 kampong Mukim Bokok yang di-adakan pada hari Jumaat lepas di-Sekolah Melayu Bokok, Pegawai Daerah itu antara lain menimbulkan tentang keadaan tanah2 yang terbiar dan tidak di-usahakan oleh tuan2 punya tanah di-daerah itu.

Beliau kesal melihat keadaan yang demikian itu, pada hal Temburong di-sifatkan sa-bagai satu kawasan luas dengan kesuboran bumi-nya.

Temburong, kata-nya, diharapkan akan menjadi satu kawasan pertanian dan dapat mengeluarkan hasil2 permakanan pada membantu Kerajaan mengurangkan impot dari luar negeri.

Tetapi, kata-nya, hasrat ini tidak akan mudah dichapai sa-lagi tanah2 yang di-berikan oleh Kerajaan termasok yang sudah bergeran itu tidak di-usahakan dan tinggal begitu saja. Ada-lah tidak kena dan tidak sesuai dengan apa yang di-persharatkan oleh Kerajaan jika tanah2 itu hanya di-jadikan waris harta pesaka dengan chara begitu saja.



Awang Haji Ya'akub

Dalam hubongan mengembangkan usaha pertanian ini, Pegawai Daerah itu telah membuat satu ranchangan penempatan penuntut2 lepasan Pusat Latehan Pertanian Sinaut yang hanya di-hadkan kapada penuntut2 yang datang dari Daerah itu saja.

Kerajaan, kata-nya, telah membenarkan untok menggunakan kira2 30 ekar kawasan tanah di-antara Kampong2 Temada dan Rataie yang bakal di-teroka oleh belia2 atau beliawanis2 Temburong lepasan dari pusat itu nanti.

Dari persediaan yang telah di-buat itu, beliau menyeru belia2 dan beliawanis2 di-Temburong supaya dapat mencheborkan diri mereka ka-Pusat Latehan Pertanian Sinaut itu. Beliau sendiri, kata-nya, akan bersedia untok membuat urusan2 yang perlu jika ada belia2 dan beliawanis2 Temburong bersedia memasoki pusat tersebut.

"Saya tidak akan berkechendorongan untok membolehkan 30 ekar yang di-sediakan itu di-teroka oleh orang lain, melainkan penuntut2 yang datang dari Temburong sendiri", jelas beliau.

Sebab, kata-nya, di-samping ia akan menampakkan usaha orang Temburong sendiri, penuntut2 itu juga nanti di-hasratkan akan dapat memberikan bimbingan2 kapada petani2 Temburong lain-nya.

Chara ini juga, beliau yakin akan dapat memberikan sumbangan pada menimbulkan kesedaran yang lebeh mendalam kapada pendudok2 Temburong tentang betapa perlu-nya kawasan2 tanah mereka di-pergunakan dengan sebaik2-nya.

Ketika di-tanya, beliau menjelaskan bahawa sajauh ini belum ada penuntut2 di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut itu datangnya dari Daerah Temburong.

Kerana itu, beliau menyeru belia dan beliawanis2 Temburong supaya dapat mengisikan kekosongan itu dan mereka yang berhajat boleh datang ka-Pejabat Daerah bagi mendapatkan keterangan2 yang lebeh lanjut.



GAMBAR atas kelihatan paip2 yang akan membekalkan bekalan ayer ka-Kampong Bokok seterus-nya lima buah kampong yang berhampiran.

# Kemudahan2 sentiasa di-beri

Dari muka 1

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Hj Zakaria seterus-nya berkata bahawa bidang pertanian amat-lah penting dan ia-nya memerlukan pengorbanan yang begitu tinggi daripada raayat di-negeri ini terutama sekali belia2 pada menjamin kehidupan raayat di-Brunei Darussalam ini.

Di-mana kata-nya lagi, segala keselamatan dan keamanan negara dan segala kelichinan pentadbiran dan pengurusan kerajaan ada-lah bergantong di-atas chukop-nya bahan2 permakanan.

"Saya perchaya bahawa Awang2 yang memileh bidang pertanian ini bukan sa-chara terpaksa saperti datok nenek kita, tetapi ada-lah di-sebabkan oleh perasaan keinsafan Awang2 yang ingin menchapai kemajuan dan ingin melihat negeri Brunei Darussalam yang kita chintai ini hidup dalam keadaan aman damai selama-lamanya", tambah Yang Berhormat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kata Yang Berhormat itu lagi, akan sentiasa memberikan kemudahan2 kapada lepasan2 pelateh pertanian ia-itu saperti kemudahan bantuan kewangan, alat2 perkakas dan nasehat2 dari segi ilmu pertanian.

"Awang2 sendiri melihat dan mengalami bahawa kemudahan2 yang di-berikan oleh kerajaan dalam masa mengikuti kursus di-pusat ini saperti tempat tinggal, makan minum, peralatan2 yang lain ada-lah perkara yang hanya menjadi idam-idaman dan khayalan bagi orang2 lain di-tempat2 yang lain", ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria menjelaskan bahawa segala kemudahan dan kemewahan tidak akan menjamin kejayaan pelateh2 dalam bidang pertanian di-luar pusat latehan pertanian bahkan ada kala-nya kemewahan dan kemudahan itu akan membawa peristewa pahit jika di-salah gunakan.

Dalam uchapan alu2an-nya, Pemangku Pengetua pusat itu, Awang Matzin bin Salleh telah menyeru lepasan penuntut2 pertanian supaya akan dapat memboktikan kapada masharakat dan menjalankan tugas2 dan tanggong-jawab masing2 dengan keyakinan dan dedikasi.

Beliau juga mengingatkan kapada lepasan2 pelateh supaya tidak akan menggunakan sijil2 itu sa-bagai asas untok kenaikkan pangkat atau gaji tetapi sa-bagai perangsang untok meningkatkan lagi usaha dan kechekapan di-bidang pertanian.

Sa-ramai 46 orang telah menerima sijil2 di-majlis itu diantara-nya ia-lah 24 orang dari penuntut2 Pusat Latehan Pertanian Sinaut, 12 orang dari pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Pertanian dan 10 orang guru2 sekolah bahagian pertanian.

Di-majlis itu sa-ramai tujoh orang lepasan penuntut2 dari pusat itu telah menerima hadiah2 terbaik. Mereka ia-lah Awang Affendi bin Salleh terbaik dalam juruteknik padi; Awang Taha bin Haji Tinggal terbaik dalam bidang ternakan lembu; Awang Ismail bin Daud terbaik dalam bahagian tanaman kekal dan Awang Kalong bin Tassim terbaik dalam bahagian tanaman lada sulah.

Sementara Awang Ismail bin Daud juga di-pileh sa-bagai peladang muda yang terbaik dan Awang Jumat bin Haji Shawal di-pileh sa-bagai pelateh terbaik bagi peladang muda pengambilan tahun 1979.

Turut hadhir di-upachara itu ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Timbalan Pengarah Pertanian, ahli2 Yang Berhormat serta ahli2 Lembaga Penasehat Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

# Lahirkan chiptaan seni yang beridentitikan keBruneian — KPP

MENTIRI. — Ketua Pegawai Penerangan, Awg Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyerukan supaya pelajaran senilukis dan pertukangan tangan di-sekolah2 di-tentukan dan di-matalamatkan ka-arah penchiptaan seni yang menjelmakan dan melahirkan chita rasa dan hasrat yang beridentitikan keBruneian.

Kita, kata-nya, boleh memakai dan meniru teknik2 dan kaedah2 penchiptaan dari mana jua sumber, tetapi apa yang patut kita jelmakan dalam chiptaan itu ia-lah budi bichara kita, chita hasrat kita dan bukannya budi bichara dan hasrat orang lain.

Dalam hubongan itu, beliau menarek perhatian kapada unsor2 keBruneian ia-itu Brunei sa-bagai sa-buah negara yang berugama dan beradat istiadat. Di-mana menurut-nya lagi unsor2 itu patut-lah di-perhitongkan terutama aspek2 hukum ugama dalam chiptaan senilukis dan pertukangan bangsa kita.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan pameran hasil pertukangan tangan dan senilukis bagi sekolah2 rendah Melayu dan Persediaan Inggeris bagi Brunei III yang telah di-adakan di-Sekolah Mentiri di-sini pada hari Ahad lepas, beliau seterusnya menarek perhatian kapada tulisan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Datu Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti kerajaan yang antara lain menyebutkan hukum2 mengenai senilukis yang di-siarkan dalam Pelita Brunei baru2 ini.

"Jangan-lah pula ada di-antara kita merasa terkongkong oleh batas2 hukum2 yang menegah sa-tengah2 lukisan, sebab senilukis dan seni ukir dalam Islam tidak pun terbantut kerana mematohi hukum2 itu malahan mendapat tempat yang baik dalam tamaddun Islam sahingga sekarang", kata-nya.

Apa yang mustahak, menurut beliau itu lagi, orang2 kita patut-lah mensesuaikan penchiptaan senilukis itu dengan ketetapan hukum2 shara'.

"Dalam perengkat mengajar murid2 di-sekolah2 ada-lah munasabah jenis2 lukisan yang di-tegah oleh shara' itu di-elakkan daripada di-ajarkan, ia-itu dengan maksud kita tidak menggalakan atau mendorongkan, apa tah lagi untok mengajarkan mana2 perbuatan yang berdosa di-sisi ugama", tegas beliau.

Menyentoh mengenai dengan pameran itu di-mana murid2 yang terlibat ia-lah dalam umor enam hingga 12 tahun, beliau perchaya chiptaan yang di-pamerkan itu sedikit sa-banyak ada-lah di-pengarohi oleh daya fikiran dan daya usaha tunjok ajar guru2 mereka

Oleh itu kata-nya lagi, sabah-lah kalau segala t ajar dan daya fikir guru di-padankan dengan matal penchiptaan senilukisan pertukangan tangan yang jelmakan identiti keBru dengan mengambil perh kapada ketetapan2 h shara'.

Turut beruchap di-maj ia-lah guru besar Sekolah tiri, Awang Md Daud bin rim yang juga selaku Peng pameran senilukis dan kangan tangan bagi Brune

Pameran senilukis dan tukangan tangan yang di- kan buat kali yang ke-15 Bahagian Latehan Ke Jabatan Pelajaran itu di gikan kapada dua bahagi itu bahagian Sekolah Re Melayu dan Persediaan Ing

Dalam bahagian sekolah dah Melayu tempat perta lah di-menangi oleh Se Melayu Bebuloh, kedua lah Melayu Panchor M dan tempat ketiga di-me oleh Sekolah Mentiri. Se tara dalam bahagian Perse Inggeris pula johan tela sandang oleh SPI Lumapa dua di-sandang oleh SPI kalan Batu dan ketiga SPI Dato Gandi.

Hadiah2 kapada pemen juga telah di-sampaikan Awang Haji Badaruddin. lepas upachara penyam hadiah di-jalankan Ketua gawai Penerangan serta putan khas telah di-bawa nyaksikan ka-beberapa bah hasil kerja tangan dan sen yang di-pamerkan pada itu.



Awang Haji Badaruddin (kiri) ketika menyaksikan pameran.

# Mashuarat ago Sharikat Kerjasa

BANDAR SERI BEGAW — Sharikat Kerjasama Ja Kerja Raya akan menga mashuarat agong-nya kali kedua pada hari Ahad, Mei. Mashuarat tersebut di-adakan di-Sekolah Men Melayu SMJA mulai jam pagi.

Pengarah Kerja Raya, Berhormat Dato Haji Tali Derwish di-jangka akan mikan mashuarat tersebut.

Beberapa buah agenda masok laporan2 kewangan di-binchangkan dalam ma rat tersebut.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.